

KONSEP PERKAHWINAN DALAM AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN ROMAN KATHOLIK : ANALISIS PERBANDINGAN

4.1 Pengenalan

Secara prinsipnya, kajian mengenai konsep perkahwinan kedua agama besar dunia iaitu Agama Islam dan Agama Kristian Roman Katholik memerlukan penelitian dan perbandingan (*comparation*) mendalam tentang beberapa aspek di dalamnya. Ini merangkumi beberapa aspek persamaan dan perbezaan utama seperti bentuk, tujuan, kepentingan, syarat, hukum, pembubaran perkahwinan dan lain-lain lagi yang berhubung dengannya. Seterusnya ditelusuri rasional di sebalik konsep-konsep tersebut melalui kupasan bab sebelumnya untuk dibuat perbandingan kritis dan analitikal di dalam bab ini. Justeru kajian mencari titik persamaan dan perbezaan tersebut sebagai panduan membentuk perkahwinan ke arah institusi kekeluargaan yang menjadi asas pembangunan nilai kemasyarakatan sejagat yang cemerlang dan terbilang.

4.2 Konsep dan Prinsip Asas Perkahwinan dalam Agama Islam dan Kristian Roman Katholik

A – Nilai-nilai Persamaan dan Perbezaan

4.2.1 Definisi Perkahwinan

Terdapat persamaan secara umum definisi konsep perkahwinan agama Islam dan Kristian Roman Katholik. Perkahwinan di dalam agama Kristian Roman Katholik

dianggap sebagai satu seruan(*vocation*) iaitu panggilan tuhan.¹ Mereka juga menganggap ianya sebagai salah-satu daripada tujuh tanda-tanda kepercayaan kepada anutan.² Selain itu ajaran Roman Katholik menekankan ciri-ciri yang suci di dalam perkahwinan dan merupakan ikatan semulajadi yang berkekalan.³ Ini dikukuhkan dengan satu lagi pengertian daripada ‘*Canon Law*’ yang menyebut perkahwinan sebagai satu penyatuan secara sukarela antara seorang lelaki atau perempuan seumur hidup dengan mengecualikan semua orang lain.⁴

Menurut Agama Kristian Roman Katholik, tuhan telah mencipta kasih sayang antara lelaki dan wanita melalui imej (gambaran) kasih sayang yang dimilikinya untuk bangsa manusia melalui penciptaan Adam dan Hawa yang digambarkan penyatuannya melalui perkahwinan. St.Paul menyamakan perkahwinan kepada ketaatan dan kebaktian Jesus Christ terhadap gereja apabila beliau telah menyerahkan dirinya kepada gereja.⁵ St. Paul menggalakkan perkahwinan dalam ajaran Roman Katholik namun pada masa yang sama turut menggalakkan supaya membujang (*celibacy*). Malahan ianya menjadi salah satu tujuh tanda kepercayaan penganut Roman Katholik. Ini memperlihatkan kecelaruan dan ketidak selarasan di dalam galakkan berkahwin bagi penganut Agama Roman Katholik.

¹ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 132

² Tujuh Tanda-tanda Anutan Penganut Kristian Roman Katholik ialah; Ekaristi Pembaptisan (*Baptism*), Ekaristi Pengakuan, (*Confirmation*) Ekaristi Maha Kudus (*Holy Communion*), Ekaristi Minyak Suci, Ekaristi Krisma (Confession), Ekaristi Imaman (*Holy Orders*) dan Ekaristi Perkahwinan (*Marriage*). Sila rujuk *New Catholic Enclopaedia*, hal. 271. Lihat juga, Ian Richard Netton,(t.t), *Islam, Christianity and Tradition A Comparative Exploration*, United kingdom : Edinburgh University Press, hal. 67. Lihat juga, Catholic Online, <http://www.catholic.org>, 17 Jun 2009, lihat juga, About.com:catholicism, <http://www.catholicism.about.com>, 17 Jun 2009 dan lihat juga <http://www.weddingguideuk.com/articles/ceremonies/catholic.asp>, 20 Mac 2010

³ *The Enclopedia Americana*, *op.cit.*, hal. 349

⁴ Mat Saad Abd Rahman, Prof. Madya, Dr. (1993), *Undang-undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Shah Alam : Hizbi, hal. 17-18

⁵ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 132

Perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik pula merupakan penyatuan antara lelaki dan perempuan dari peristiwa Adam dan Hawa (Adam and Eve) yang dicipta tuhan sebagai gambaran kasih sayang melalui imej ataupun gambaran tuhan kepada bangsa manusia. Tuhan telah menciptakan Hawa (perempuan) sebagai pendamping Adam yang dicipta dari tulang rusuknya sendiri.⁶ Di situlah bermulanya konsep perkahwinan agama Kristian Roman Katholik ialah dari peristiwa Adam dan Hawa di atas.

Begitu juga suami isteri merupakan kesatuan hubungan gabungan yang amat rapat sehingga bersatu bersama isterinya dalam satu tubuh sepertimana disebut dalam Gospel Genesis berikut;⁷

"This is why a man leaves his father and mother and joins himself to his wife, and they become one body"

Berdasarkan pernyataan di atas menjelaskan bahawa terdapat dua tujuan penting dalam perkahwinan iaitu penyatuan seksual merupakan asas kepada perkahwinan dan melalui perkahwinan juga juga akan menyatukan dua orang bersatu hidup, fikiran dan perasaan. Justeru, perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik adalah penyatuan lelaki dan perempuan dalam satu tempoh tertentu yang dipersetujui oleh masyarakat. Persetujuan masyarakat ini membezakan antara perkahwinan dan hubungan antara lelaki dan perempuan yang lain.⁸

⁶ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 132. Sila rujuk, *Genesis*, 2: 23

⁷ *Genesis*, 2: 24

⁸ The International Edition (1829), *The Enclopedia Americana*, *op.cit.*, hal. 345

Perkahwinan merupakan perancangan yang bermula daripada Tuhan. Justeru perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik bukanlah sekadar untuk menghasilkan zuriat semata-mata malah lebih dari itu. Ini kerana menurut agama Kristian melahirkan generasi adalah datangnya daripada keinginan, kebebasan membuat pilihan, kebijaksanaan lamaran yang dibuat tanpa paksaan. Justeru Tuhan telah mencipta gender yang berbeza supaya masing-masing gembira untuk bersatu, sebagai penghibur hati, untuk kesempurnaan serta mendatangkan manfaat terhadap keturunan dan individu agar semuanya akan bergerak seiring. Perkahwinan juga bukan sekadar cinta semata-mata, tetapi cinta perkahwinan yang menghasilkan nyawa. Anak merupakan bukti kepada cinta perkahwinan dan kasih sayang ibu bapa yang tidak dapat dipisahkan.⁹

Manakala perkahwinan di dalam Islam merupakan satu ibadat dan perlembagaan yang mengandungi struktur undang-undang perkahwinan dan kekeluargaan yang lengkap di dalamnya. Nikah dalam Islam dari segi bahasa bererti himpunan, pengumpulan, percantuman, persetubuhan dan akad.¹⁰ Nikah dari segi bahasa diertikan juga sebagai menindas, setubuh dan senggama.¹¹ Di kalangan ulama usul berkembang tiga macam pendapat tentang erti lafaz nikah; Menurut golongan Hanafi nikah menurut asalnya adalah setubuh dan menurut erti *majazi* (metaforis) adalah akad yang dengan akad ini menjadi halal hubungan kelamin antara lelaki dan

⁹ *New Catholic Enclopaedia*, *op.cit.*, hal. 270

¹⁰ Muhammad Qasim al-Ghazzi (1970), *op.cit.*, hal.43

¹¹ A.W. Munawwir, (2002), *op.cit.*, hal. 1461. Lihat juga Al-Shan'ani, (1995), Abu Bakar Muhammad (terj.), *op.cit.*, hal. 393.

perempuan Manakala menurut golongan Syafi'e pula nikah menurut erti asalnya ialah akad yang dengan akad ini menjadi halal hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan, sedangkan menurut erti *majazi* ialah bersetubuh.¹²

Menurut istilah syarak pula ialah satu akad yang mengandungi rukun-rukun dan syarat-syarat yang tertentu.¹³ Di sinilah maksud asal perkahwinan yang membawa makna menghimpun dan menyatukan rohani dan jasmani melalui akad ijab dan qabul yang diikat bersamanya peraturan-peraturan Islam. Bila dilihat secara mendalam definisi yang dikemukakan oleh ulama ushul di atas, pada hakikatnya mereka mengemukakan hal yang sama, cuma berbeza dalam olahan bahasa yang digunakan. Jadi, para ulama Islam sependapat bahwa nikah adalah akad yang diatur oleh agama untuk memberikan kepada laki-laki hak memiliki penggunaan *faraj* (kemaluan) wanita dan seluruh tubuhnya untuk berhubungan badan.

Perkahwinan Islam menurut Al-Syarbini al-Khatib, merupakan suatu kontrak (akad) yang mengharuskan persetubuhan dengan menggunakan lafaz nikah atau tazwij atau terjemahannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam.¹⁴ Perkahwinan juga merupakan kontrak yang memberi faedah kepada seseorang dengan tujuan memiliki keseronokan dengan seseorang perempuan yang tidak dilarang mengahwininya oleh larangan syarak. Manakala perempuan itu dihalalkan pula

¹² Abdul Rahman al Jaziri, (t.t), *op.cit.*, hal. 1-3.

¹³ Muhammad Qasim al-Ghazzi (1970), *op.cit.*, hal. 43

¹⁴ Al-Syarbini al-Khatib, Muhammad (1962), *op.cit.*, hal.123. Lihat juga Idris Ahmad, H. (1993), *op.cit.*, hal.254

melakukan persetujuan dengan lelaki tersebut.¹⁵ Ini bermakna perkahwinan dalam Islam juga bukanlah setakat akad sivil untuk memiliki sesuatu seperti akad jual-beli malah ia merupakan akad yang menghalalkan pergaulan di antara lelaki dan perempuan¹⁶ yang boleh menolong antara satu sama lain serta menentukan hak dan kewajiban masing-masing.¹⁷ Jelas, definisi perkahwinan Islam lebih luas dan lengkap ruang lingkup dan mempunyai matlamat lebih jelas dalam membentuk kesinambungan hak generasi seterusnya

Namun dalam Islam konsep perkahwinan bersandarkan konsep *'Mawaddah Warahmah'* sepertimana maksud Firman Allah S.W.T berikut:

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Surah al-Rum (30) : 21

Maka jelas bahawa dalam Islam Allah S.W.T telah menciptakan kaum lelaki, wanita sebagai isteri dan pendamping untuk memperolehi ketenangan hidup. Justeru hubungan suami isteri bukanlah hubungan fizikal semata-mata bahkan lebih daripada itu. Perkahwinan dalam Islam berperanan penting sebagai pusat mengembangkan kasih sayang, belas kasihan, keprihatinan, kebaikan, perlindungan, kehormatan, saling

¹⁵ Al-Bardisi, Muhammad Zakaria (1975), *op.cit.*, hal.30

¹⁶ Abdullah Taib (1985), *op.cit.*, hal. 115-117.Lihat juga 'Abdul Rahman al-Sabuni (1972), *op.cit.*, hal. 30

¹⁷ Abu Zuhrah, Muhammad, (1957), *op.cit.*, hal. 18

mempercayai antara satu sama lain, pengorbanan, perkongsian dan sebagainya. Semua perkara ini hendaklah berlandaskan kepada kekuatan-kekuatan rohani.

Begitu juga perkahwinan dalam Islam sebagai akad perjanjian untuk menyatukan lelaki dan perempuan bagi menghalalkan hubungan kelamin, bertujuan mencapai kebahagiaan yang berkekalan mengikut garis panduan yang ditetapkan syarak juga menekankan faktor penerusan zuriat yang halal sebagai tujuan utama perkahwinan.¹⁸ Ini kerana zuriat ini adalah pewaris dan kesinambungan ummah manusia yang berpegang kepada ajaran Islam.

Kesimpulannya, Islam dan Kristian meletakkan definisi perkahwinan pada kedudukan yang sangat penting dalam ajaran masing-masing dan ianya merupakan suatu yang amat digalakkan dalam kedua-dua agama. Perkahwinan agama Kristian Roman Katholik merupakan salah satu tanda anutan dalam tujuh tanda-tanda kepercayaan penganut Roman Katholik (*Seven Sacrament*). Ia juga merupakan penyatuan antara Adam dan Hawa serta Jesus Christ terhadap Tuhan dan Gereja. Namun ianya ada pengecualian terhadap para paderi (*Holy Order*), yang menjadikan definisi perkahwinan agama Kristian Roman Katholik agak sempit ruang lingkupnya. Manakala konsep perkahwinan di dalam Islam mempunyai pengertian dan ruang lingkup yang amat luas, ia bukan sekadar suatu penyempurnaan kehendak biologi secara sah semata-mata sepertimana yang ditakrifkan oleh antropologi Barat tetapi lebih dari itu. Ia lebih kepada proses mengembangkan zuriat, mendidik dan membentuk satu institusi kekeluargaan dalam rangkaian masyarakat Islam sejagat. Definisi konsep

¹⁸ Rozumah Baharudin (2002), *op.cit.*, hal. 2

perkahwinan Islam lebih menyeluruh tanpa ada pengecualian. Bahkan di dalam Islam adalah tidak digalakkan hidup membujang sebagaimana Kristian Roman Katholik.

4.2.2 Pemilihan Pasangan dan Pertunangan (*Bethrotal*)

Secara umumnya terdapat persamaan dalam konteks pemilihan pasangan dalam agama Islam dan Kristian Roman Katholik iaitu dari sudut keterbukaan dan kebebasan dalam memilih pasangan asalkan tidak terhalang oleh halangan yang telah ditetapkan agama masing-masing. Namun Islam lebih mengkhususkan aspek kriteria dan garis panduan dalam memilih pasangan secara lebih terperinci bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup pasangan pada masa hadapan. Kriteria utama memilih pasangan dalam Islam ialah memilih pasangan yang bertaqwa dan beriman kepada Allah S.W.T.

Agama Kristian Roman Katholik tidak menetapkan ciri-ciri khusus dalam pemilihan pasangan asalkan bersesuaian dan sama-sama telah mempunyai kesepakatan untuk berkahwin. Penganut agama Kristian boleh berkahwin dengan sesiapa sahaja yang disukai termasuklah berkahwin di antara mazhab dan di antara agama yang berbeza. Pemilihan pasangan sesama penganut Roman Katholik adalah biasa, namun pemilihan pasangan bukan sesama Katholik agak berisiko dari aspek penyesuaian diri dan latar belakang budaya hidup yang berbeza dan sebagainya.¹⁹ Namun perkahwinan campur adalah sangat digalakkan dalam agama Kristian khususnya Roman Katholik

¹⁹ Perkahwinan campur sebegini berlaku dalam dua bentuk iaitu; pertama perkahwinan dengan bukan dari mazhab Katholik dan kedua perkahwinan dengan penganut agama lain. Michael Keene, (1995), *op.cit.*,hal. 133

kerana pasangan tersebut akan dapat menarik lebih ramai penganut kepada agama Kristian Roman Katholik.²⁰

Pertunangan merupakan fasa penting sebelum memasuki alam perkahwinan sebenar. Kebanyakan penganut agama Kristian khususnya aliran Roman Katholik memilih pasangan hidup berdasarkan kepercayaan dan kesamaan dalam sesuatu sudut. Contohnya ramai pasangan lelaki dan perempuan berkahwin dengan orang yang tinggal berdekatan atau sesiapa sahaja yang mempunyai persamaan dari aspek sosial, pekerjaan dan latar belakang pembelajaran.²¹ Ringkasnya penganut agama Kristian khususnya Roman Katholik tidak menetapkan kategori pemilihan pasangan secara khusus. Ini berbeza daripada Islam yang menekankan dan menitik beratkan aspek pemilihan pasangan.

Beberapa aspek penting dalam Islam ialah pemilihan pasangan sebagai calon suami atau isteri. Di dalam Islam jelas pemilihan pasangan harus berasaskan garisan yang telah ditetapkan oleh Syari'at Islam. Umat Islam tanpa mengira bangsa dan warna kulit bebas berkenalan-kenalan untuk memilih pasangan hidup masing-masing asalkan sesuai dan menepati kehendak Islam. Garisan yang dikemukakan ialah tertumpu kepada empat perkara iaitu sepertimana sabda Nabi S.A.W yang bermaksud ²²:

²⁰ Michael Keene, (1995), *ibid.*, hal. 133

²¹ *New Catholic Enclopaedia*, *op.cit.*, hal. 270

²² Muhammad bin Ismail Abu 'Abd Allah al-Bukhari al-Ja'fiy,(1987) *Sahih al-Bukhari*, No. Hadith 4802, juz 5, cet. 3, Beirut: Dar al-Yamamah, hal 1958

"Wanita dikahwini kerana empat perkara iaitu; Hartanya, kecantikannya, darjat dan agamanya. Maka agama adalah lebih baik"

Jelas hadith di atas menyeru supaya pemilihan pasangan atau jodoh dalam Islam harus bersandarkan empat perkara di atas. Walaupun begitu keutamaan mestilah kepada yang beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T. Ini adalah kerana agama adalah aspek paling penting yang mesti diutamakan, justeru hanya dengan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T sahajalah yang dapat menjamin kesejahteraan hidup dunia dan akhirat ke arah membentuk masyarakat yang harmoni. Ia juga adalah dasar utama ke arah pembangunan insan rabbani yang akan menegakkan sebuah komuniti yang hebat dan seterusnya mampu menunjangi pembangunan negara dan bangsa berasaskan tuntutan dan ajaran Islam. Justeru dalam Islam pemilihan pasangan amat dititik beratkan.

Islam tidak menghalang perkahwinan campur sebegini malah turut menggalakkan. Ini kerana ia digalakkan oleh Nabi S.A.W yang amat berbangga dengan ramainya jumlah umat Islam di akhirat nanti. Namun kualiti ilmu, iman dan taqwa dalam setiap penganutnya lebih diutamakan di dalam Islam agar tidak terpesong dari konsep perkahwinan Islam sebenar. Pemilihan pasangan dalam Islam lebih terperinci bagi menjamin kualiti sesebuah perkahwinan yang mampu melahirkan zuriat dan generasi yang cemerlang serta berkualiti berteraskan nilai dan ruh Islam.

Pertunangan terdapat di dalam agama Islam dan juga Kristian Roman Katholik. Pertunangan dalam Islam merupakan titik permulaan dalam proses perkahwinan bagi calon suami dan isteri mengikat tali perkahwinan. Ia dimulai dengan proses peminangan oleh pihak calon suami ke atas calon isteri. Justeru di dalam Islam tidak membenarkan meminang atas pinangan orang lain. Begitu juga agama Islam menghendaki bertunang sebelum berkahwin²³ untuk mengenali pasangan masing-masing dengan menghadkan batasan seperti yang telah digariskan syariat Islam. Pertunangan dalam Islam ialah untuk memberi ruang kepada kedua pihak supaya saling mengenali dan membuat langkah-langkah persediaan ke arah menerajui perkahwinan yang penuh dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T.

Pelbagai pendapat tentang keharusan melihat bakal isteri sebelum berkahwin iaitu sepertimana pendapat Imam Syafi'e yang mengharuskan melihat calon isteri untuk mengenalinya dengan lebih dekat lagi.²⁴ Imam Malik pula menyatakan diharuskan melihat muka dan tapak tangan sahaja. Ini kerana muka menggambarkan kecantikan dan tapak tangan pula menggambarkan kesihatan dan kesuburan. Imam Abu Hanifah pula menambah harus melihat kaki untuk lebih mengenalinya. Manakala Imam Ahmad Bin Hanbal menyatakan harus melihat apa yang kebiasaannya terzahir seperti wajah, tapak tangan, kaki dan tumit.²⁵ Maka apa yang jelas ialah harus hukumnya melihat sesiapa sahaja yang ingin dikahwini tersebut berdasarkan had yang dibolehkan syari'at untuk mengenali bakal isteri supaya tidak berlakunya penyesalan di kemudian hari.

²³ Abi Zakaria Muhyi al-Din Bin Sharaf ,al-Imam al-Nawawi, (t.t), *Al-Majmu' Syarah al-Mazhab*, Juz. 17, Dar al-Fikr, hal. 364

²⁴ *Ibid*, hal. 294

²⁵ Badaran Abu al-'Ainain Badaran, (1967), *op.cit.*,hal. 22.

Ianya sangat penting dalam menjana keharmonian dan kestabilan rumahtangga yang seterusnya melahirkan zuriat yang sihat dan bijak. Di sinilah letaknya keistimewaan pemilihan pasangan dalam Islam, justeru semua aspek dititik beratkan demi menjamin kebahagiaan rumahtangga yang berkekalan.

4.2.3 Tujuan dan Matlamat Perkahwinan

Tujuan dan matlamat perkahwinan dalam agama Islam dan Kristian Roman Katholik hampir mempunyai ciri-ciri persamaan yang jelas. Kedua-dua agama bersetuju bahawa perkahwinan bertujuan membolehkan pergaulan bebas dan hubungan seksual antara lelaki dan perempuan melalui saluran yang sah. Pasangan juga akan saling membantu dan menikmati kepuasan hubungan seksual secara sah.²⁶ Justeru hubungan seksual dalam perkahwinan adalah suci, baik dan diberkati oleh Tuhan.²⁷

Selain itu persamaan tujuan dalam perkahwinan Agama Islam dan Roman Katholik ialah membina keluarga melalui perkahwinan yang sah. Perkahwinan sebagai asas hidup berkeluarga.²⁸ Mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengurusan dan tanggungjawab serta metode berinteraksi di dalam keluarga dan masyarakat, melalui kerjasama yang menguatkan hubungan kekeluargaan dan masyarakat.²⁹ Melalui

²⁶ Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992M/ 141H), *op.cit.*, hal. 11. Lihat juga, Al-Sheikh al-Imam al-Syafi'e (2000), terj. Hj. S'aid Haji Ibrahim, *op.cit.*, hal 118. *New Catholic Encyclopedia*, *ibid.*, hal. 271

²⁷ John Mack, Father, (1996), *op.cit.*, hal. 116

²⁸ John Mack, Father, (1996), *op.cit.*, hal. 116

²⁹ Fadhilah Sarnap,(2001), *Pembinaan Sistem Kekeluargaan Islam*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, hal.141. Wahbah al-Zuhaili, Dr., (1989), *op.cit.*, hal. 58

perkahwinan tersebut akan membina sistem kekeluargaan yang kukuh, harmoni, berkasih sayang, tolong menolong dan diiktiraf undang-undang serta masyarakat.³⁰

Menurut agama Kristian Roman Katholik perkahwinan harus dilaksanakan sebagai satu amanah Tuhan. Ini kerana dengan berkahwin akan dapat menyampaikan dan menyalurkan gambaran kasih sayang tuhan iaitu melalui penyatuan hubungan suami isteri yang akrab serta disaksikan perjanjian perkahwinan di hadapan Tuhan. Justeru, di dalam agama Kristian Roman Katholik turut menekankan aspek pendidikan anak-anak untuk mengenali Tuhan selain mengenali dunia dan ilmu pengetahuan. Begitu juga perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik merupakan satu seruan atau panggilan³¹ daripada Tuhan yang menyeru supaya bersatu dan perkongsian hidup secara sah antara lelaki dan perempuan.³² Ia merupakan satu tingkat kemuliaan bagi sesiapa yang menyempurnakan makna dan falsafah perkahwinan tersebut.

Justeru, di dalam agama Islam pula perkahwinan adalah sangat dituntut oleh Syari'at Islam dan ia merupakan sunnah Nabi S.A.W yang selaras dengan naluri dan fitrah semulajadi manusia. Justeru Islam adalah agama yang tidak pernah sama sekali menentang apa yang menjadi fitrah semulajadi manusia. Selain itu di dalam Islam berkahwin akan dapat menambahkan lagi kekuatan rohani, khusyuk beribadah dan pengabdian kepada Allah S.W.T menerusi perkahwinan dapat menenteramkan perasaan berahi yang membara dalam jiwa manusia dan mendamaikan kerunsingan

³⁰ Abdul Jalil Hj. Mohd. Hassan, (1982), *op.cit.*, hal. 254. Lihat juga, Muhammad Rasyid Rida, (1987), Afif Muhammad, (terj.) *op.cit.*, hal. 20-22

³¹ Mircea Eliade, (t.t), *op.cit.*, hal. 270

³² Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 132

kejiwaan kerana permasalahan hidup dapat dikongsi dengan pasangan, anak-anak dan kasih sayang.³³

Seterusnya kedua-dua agama menyatakan perkahwinan juga bertujuan untuk melahir dan mengembangkan zuriat dengan jalan yang sah.³⁴ Di dalam Islam membesarkan, melindungi dan mendidik anak-anak dengan ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi merupakan satu tanggungjawab keibubapaan yang diamanahkan oleh Allah S.W.T. Justeru ia mesti dipikul dengan sepenuh perhatian. Bahkan anak-anak merupakan penerus generasi³⁵ yang akan menentukan pembentukan keluarga dan masyarakat yang cemerlang dan gemilang. Perkahwinan dalam Islam jelas mempunyai tujuan dan matlamat yang suci dan kesucian itulah yang menjadikannya sebagai satu institusi keagamaan. Keistimewaan undang-undang Islam ialah, jelas sekali ia bukannya diatur atau dirangka oleh manusia tetapi datangnya dari sumber Ilahi yang tidak dapat dipertikaikan lagi keabsahannya.

4.2.4 Upacara dan Majlis Perkahwinan

Setelah selesai akad perjanjian perkahwinan oleh paderi di gereja, majlis perkahwinan tersebut kemudian diteruskan dengan upacara pemberkatan perkahwinan oleh paderi dan diikuti pula dengan upacara pemberkatan cincin-cincin. Kemudian

³³ Muhammad Rasyid Rida, (1987), Terj. Afif Muhammad, *op.cit.*, hal. 20-22

³⁴ Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari, (2002), *op.cit.*, hal. 2. Lihat juga, Mat Saad Abd. Rahman, Prof. Madya, Dr. (Oktober 1993), *op.cit.*, , hal. 17

³⁵ Mat Saad Abd. Rahman, Prof. Madya, Dr. (Oktober 1993), *ibid*, hal. 17-18

diiringi bacaan doa umat oleh paderi yang di "amin"kan oleh hadirin yang hadir. Akhir sekali diikuti upacara 'Liturgi Ekaristi' yang terkandung di dalamnya persiapan persembahan, doa persembahan dan lain-lain yang berkaitan.³⁶

Di dalam agama Islam upacara perkahwinan (*Walimah al-'Urus*) diadakan setelah selesai upacara akad nikah. Di situlah letaknya persamaan upacara perkahwinan antara kedua-dua agama iaitu dari sudut kronologi didahului oleh upacara terpenting iaitu akad nikah dan perjanjian perkahwinan, cuma berbeza dari sudut pelaksanaan upacara perkahwinan tersebut. Upacara perkahwinan Islam adalah mengikut peraturan yang digariskan Syri'at Islam manakala upacara Kristian Roman Katholik mengikut adat istiadat dalam Roman Katholik sepertimana dibincangkan dalam bab sebelum ini.³⁷

Upacara perkahwinan Islam (*Walimah al-'Urus*) pula adalah suatu tuntutan agama dan bukannya sekadar suatu upacara, adat atau budaya semata-mata. Sebahagian ulama berpendapat hukum mengadakannya adalah wajib, sementara sebilangan yang lain menyatakan hukumnya adalah *sunat muakkad* berdasarkan mafhum hadith Nabi SAW berikut:

"Hendaklah kamu mengadakan walimah walaupun dengan seekor kambing."³⁸

³⁶ Dipetik dari Buku *Upacara Perkahwinan* Katedral St. Joseph, Kuching, Sarawak

³⁷ *Sufra*, Bab 2, hal. 64-66 dan Bab 3, hal. 108-113.

³⁸ Muslim b. al-Hajjaj Abu al-Husayn al-Qusyairiy al-Nisaburiy, (t.t), *Sahih Muslim, Bab Nadab al-Nazar Ila Wajh al-Mara'h Wa-Kaffiyuha Li Man Yurid Tuzawwijuha*, No. hadith 1427, Juz. 2, Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy : Beirut, hal 1040

Menurut Jumhur mengadakan walimah hukumnya sunat bukannya wajib kerana walimah itu adalah jamuan makan lantaran mendapat kegembiraan seperti mengadakan majlis-majlis lain juga. Maka anjuran Nabi dalam hadith tersebut adalah perintah sunat kerana ia diqiaskan kepada perintah korban pada Hari Raya Korban.³⁹ Berapa besar atau kecilnya walimah itu tidak ada ketentuannya. Menurut yang *afdal* ialah menurut kadar yang layak, sederhana dan sesuai dengan keadaan suami sendiri⁴⁰

Upacara perkahwinan dilakukan selepas majlis akad nikah yang dimulai dengan akad iaitu lafaz ijab daripada kadi atau jurunikah yang bertauliah bagi pihak wali pengantin perempuan, kemudian lafaz qabul dari pihak pengantin lelaki, yang disaksikan oleh dua orang saksi.⁴¹ Selepas majlis akad nikah selesai barulah majlis seterusnya diadakan seperti majlis khatam al-Quran, jamuan makan minum dan sebagainya. Upacara akad nikah juga boleh diadakan di mana-mana sahaja samada di Jabatan Agama Islam negeri, di masjid ataupun di rumah pengantin perempuan. Selain itu, upacara perkahwinan Islam juga boleh diadakan mengikut adat setempat selagi ianya tidak terpesong dari landasan yang digariskan oleh Syari'at Islam.

Upacara perkahwinan⁴² di dalam agama Kristian Roman Katholik bermula dengan perjanjian kahwin pasangan suami isteri dengan dua orang saksi di hadapan paderi yang menerima perjanjian tersebut. Namun, sekiranya pasangan itu ingin menjalankan upacara keagamaan yang tertentu dalam majlis perkahwinan, maka

³⁹ Osman Bin Jantan, Hj.,(2001), *op.cit.*, hal. 180.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Sufra*, Bab 2, hal 60-61

⁴² *Sufra*, Bab 3, hal. 108-113 iaitu; Upacara perkahwinan mengikut tradisi agama Kristian Roman Katholik yang berlangsung di gereja Roman Katholik.

upacara itu akan diketuai oleh golongan yang bertanggungjawab dalam agama mereka. Jika mereka tidak berkahwin secara tradisi tetapi secara undang-undang, maka orang yang tertentu akan diberi kuasa untuk menjalankan upacara keagamaan tersebut.⁴³

Walaupun bagaimanapun bentuk upacara yang hendak diadakan oleh penganut agama Kristian Roman Katholik dan lain-lain agama (non-Muslim), perkahwinan tersebut mesti didaftarkan terlebih dahulu di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebelum upacara perkahwinan. Setiap pengupacaraan perkahwinan bukan Islam memperuntukkan setiap perkahwinan di bawah akta tersebut hendaklah diupacarakan,⁴⁴ samada di pejabat seorang pendaftar⁴⁵ dengan pintu terbuka antara pukul enam pagi dan tujuh petang; atau di mana-mana tempat selain daripada di pejabat seorang Pendaftar pada bila-bila waktu sebagaimana yang dibenarkan oleh sesuatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 21 (3) ataupun di sesuatu gereja atau di rumah berhala atau di mana-mana tempat perkahwinan mengikut seksyen 24 pada bila-bila waktu sebagaimana dibenarkan oleh agama, adat atau kelaziman yang dianuti atau diamalkan oleh pihak-pihak kepada perkahwinan itu.

Di sini dapatlah disimpulkan bahawa upacara perkahwinan merupakan upacara paling penting di gereja Roman Katholik dan Orthodox barat.⁴⁶ Malahan ia merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam mengesahkan sesebuah perkahwinan

⁴³ The World Book Encyclopedia, *op.cit.*, hal. 221

⁴⁴ Undang-undang Malaysia *Akta Membaharui undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) & Kaedah-kaedah, Opcit*, Seksyen 22 (1 & 2) hal 14

⁴⁵ **Pendaftar Perkahwinan** adalah orang yang diberi kuasa dan dilantik secara sah oleh pihak berwajib untuk menjalankan perkahwinan secara sah di Pejabat Pendaftaran Negara Malaysia dan di Negeri-negeri seluruh Malaysia.

⁴⁶ *The World Book Encyclopedia, op.cit.*, hal. 221

Roman Katholik.⁴⁷ Upacara perkahwinan Roman Katholik selalunya diadakan di gereja-gereja setelah melalui proses sepertimana di atas. Berbanding agama Islam perkara paling penting yang mengesahkan sesebuah perkahwinan adalah akad nikah, manakala upacara pula bukanlah merupakan satu perkara yang wajib atau fardhu walaupun ianya amat digalakkan.

Di samping itu, Syaria't Islam menghendaki supaya setiap perkahwinan yang akan dilangsungkan itu hendaklah dihebahkan terlebih dahulu. Ia hendaklah diisytiharkan secepat mungkin dan diraikan dengan bunyi-bunyian seperti paluan gendang ataupun nasyid.⁴⁸ Rasionalnya dihebahkan kepada umum adalah untuk mengelakkan fitnah terhadap pasangan tersebut dan berkongsi kegembiraan melalui perkahwinan yang menjadi sunnah Nabi S.A.W.

Sepertimana Islam, penganut Roman Katholik juga dikehendaki mengumumkan mengenai pertunangan mereka kepada orang ramai sekurang-kurangnya tiga kali hari Ahad (tiga minggu) sebelum hari perkahwinan ataupun melalui perkhidmatan gereja.⁴⁹ Pengumuman itu penting untuk memohon persetujuan ramai dan sekiranya tiada bantahan dalam tempoh tersebut, barulah perkahwinan akan diteruskan.

Hukum menghadiri jemputan majlis perkahwinan adalah wajib bahkan fardhu 'ain menurut jumbuh ulama⁵⁰ dengan syarat tiada halangan syar'ie seperti tidak ada

⁴⁷ *The Code of Canon Law*- C1108.1

⁴⁸ *Sufra* Bab 2, hal 66

⁴⁹ *The World Book Encyclopedia*, *op.cit*, hal.220

⁵⁰ Pandangan ini menurut keempat-empat mazhab Maliki, Syafi'e, Hanafi dan Hambali.

unsur-unsur maksiat, tidak ada keuzuran bagi pihak yang diundang dan majlis itu bukannya (khusus) untuk orang-orang kaya sahaja. Namun jika syarat tersebut tidak terpenuhi maka tidak wajib untuk menghadiri majlis tersebut. Upacara dan majlis perkahwinan Islam sangat lengkap kerana ia lebih menyeluruh dan ianya mempunyai makna, falsafah dan hikmah yang besar tersirat di sebaliknya.

4.3 Konsep dan Prinsip Asas Perkahwinan dalam Agama Islam dan Kristian Roman Katholik

B - Nilai-nilai Perbezaan

4.3.1 Hukum Perkahwinan

Pada dasarnya hukum perkahwinan dalam agama Islam dan Kristian Roman Katholik adalah sama iaitu harus. Walaupun hukum asal perkahwinan kedua-dua agama sama namun terdapat perbezaan yang ketara dalam konteks perlaksanaannya.

Hukum perkahwinan di dalam agama Kristian adalah mengikut asalnya iaitu harus⁵¹. Harus berkahwin di dalam agama Kristian tetapi tidak sampai wajib seperti

⁵¹ Tiada undang-undang khas dalam perkahwinan agama Kristian Katholik. Kebanyakan perkahwinan dalam agama tersebut adalah mengikut adat sesuatu kaum yang dicampurkan dengan peraturan agama itu sendiri dan undang-undang Sivil. (Sila rujuk temubual dengan **Ustaz Mohd Shariff Robin Abdullah**, pada 27 Mei 2006 jam 10.00 pagi).

mana dalam agama Yahudi.⁵² Ini menunjukkan berkahwin di dalam agama Kristian hanya digalakkan bukannya wajib. Di dalam Bible terdapat banyak pernyataan-pernyataan yang disebutkan daripada Jesus mengenai penggalakan dan dorongan ke arah perkahwinan. Seperti di dalam *Gospel Genesis* menyatakan⁵³:

***"And the Lord God said, 'Its not good that man should be alone;
I will make him a helper comparable to him'"***

Di dalam konteks perkahwinan tidak ada yang menentangnya, malahan semuanya menyokong supaya institusi perkahwinan itu dilaksanakan, diperkuatkan dan tidak diabaikan atau terputus sama sekali. Ini kerana perkahwinan merupakan suatu pertalian yang dihimpunkan oleh Tuhan.⁵⁴ Penyatuan tersebut iaitu Tuhan, lelaki dan wanita merupakan cermin atau gambaran kesatuan Ketuhanan *Trinity* dalam agama Kristian. Ini bermakna lelaki dan wanita tidak boleh terpisah juga tidak berseorangan.⁵⁵ Bahkan perkahwinan merupakan salah satu antara tujuh anutan kepercayaan (*Seven Sacraments*) penganut Kristian Roman Katholik.

Perkahwinan di dalam agama Kristian adalah digalakkan kepada setiap penganutnya. Penganut Kristian khususnya Roman Katholik diseru supaya memperkukuhkan perlaksanaan institusi perkahwinan, dan tidak mengabaikannya atau memutuskannya sama sekali. Ini kerana perkahwinan merupakan suatu pertalian yang dihimpunkan oleh tuhan. Kebanyakan komuniti masyarakat Kristian memilih

⁵² Hj. Abdul Kadir Hj. Abdullah Hassan (2002), *op.cit.*, hal. 27

⁵³ Sila rujuk *Genesis* 2: 18

⁵⁴ Abd. Kadir Hj. Abdullah Hassan, Hj. (2002), *op.cit.*, hal. 25.

⁵⁵ John Mack, (1996), *opcit*, hal. 149

perkahwinan seperti mana komuniti agama lain di dunia khususnya Islam.⁵⁶ Selain pernyataan Bible menggalakkan berkahwin, terdapat juga pernyataan Bible yang menggalakkan hidup membujang. Ini disebutkan daripada Jesus Christ dalam pernyataan Bible menyatakan perintah supaya berzahid (hidup membujang).⁵⁷ Malah ianya menjadi salah satu daripada tujuh tanda kepercayaan penganut Roman Katholik.

Ini memperlihatkan bahawa agama Roman Katholik tidak peka dengan keadaan penganutnya yang merujuk kepada fitrah nafsu yang sememangnya berkehendak kepada perkahwinan, kemampuan memikul tanggungjawab dalam perkahwinan, penyakit yang dialami atau aspek kesihatan sepertimana yang ditekankan oleh Islam. Ini bererti Roman Katholik tidak melihat dalam aspek pembinaan penganut Kristian yang berasaskan imej tuhan, aspek-aspek tersebut tidak dilihat secara mampan sepertimana Islam yang menitik beratkan kualiti dan kemanusiaan. Perbezaan yang amat ketara ini memperlihatkan bahawa Roman Katholik tidak sensitif dengan fitrah manusia yang meletakkannya imej tuhan ditonjolkan secara tidak memenuhi kriteria yang sejajar atau selayaknya bagi tuhan.

Selain itu, sumber hukum dan perundangan Roman Katholik tertakhluk kepada tiga sumber iaitu kitab Bible (*The New Testament & Old Testament*), Undang-undang Gereja iaitu *The Code of Canon Law* (Senarai peraturan undang-undang) dan juga perundangan Sivil.⁵⁸ Ia saling menyokong antara satu sama lain. Ini memperlihatkan

⁵⁶ Temuramah dengan **Paderi Edward**, *op.cit.*, pada 11 Februari 2006 jam 10.00 pagi.

⁵⁷ Amalan *Celibacy* (Membujang) adalah merupakan '*Holy Order*' (perintah suci) bagi para paderi iaitu '*Father*' dan '*Sister*' di Gereja Kristian Roman Katholik

⁵⁸ *The Code of Canon Law- C1059, op.cit.*

hukum tuhan (Bible) tidak mampu menguasai segala aspek dan ruang lingkup kehidupan penganut agama Roman Katholik sebagaimana Islam yang bersumberkan kitab al-Qur'an dan al-Hadith yang begitu kukuh dan tiada langsung keraguan di dalamnya bahkan ia melengkapi segala ruang lingkup kehidupan penganutnya.

Manakala hukum perkahwinan di dalam Islam asalnya adalah harus. Namun menurut kebanyakan ulama' (jumhur) hukumnya adalah sunat. Hukum nikah di dalam Islam ada pelbagai namun pada dasarnya nikah sangat digalakkan di dalam Islam sebagaimana sabda baginda Rasulullah SAW maksudnya;⁵⁹

"Orang yang tidak menyukai sunnahku, bukanlah termasuk umatku dan salah satu sunnahku ialah perkahwinan. Maka barangsiapa menyintaiku hendaklah melakukan sunnahku."

Jelas, melalui sumber nas al-Qur'an dan al-Hadith banyak menyebut penggalakan berkahwin serta mendirikan rumahtangga untuk mengelakkan kehancuran sosial dan keruntuhan moral tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Islam telah membahagikan hukum perkahwinan kepada lima bahagian iaitu harus, wajib, sunat, makruh dan haram. Hukum perkahwinan tersebut boleh dihuraikan seperti berikut.

Harus pada Syara' iaitu tidak mendatangkan dosa mahupun pahala jika seseorang itu tidak berkahwin. Ini adalah asal hukum nikah kahwin.⁶⁰ Begitu juga harus berkahwin bagi mereka yang tidak ada halangan untuk berkahwin dan tidak ada pula

⁵⁹ Ali Bin Abi Bakr al-Hathainiy, (1407), *Majmu' al-Zawaid*, Juz. 4, Al-Kaherah : Dar al-Rayyan Li – Turath, hal. 252

⁶⁰ Asiah 'Ali (Mac 1999), *op.cit.*, hal. 87-88.

sesuatu perkara yang mendorongnya untuk berkahwin.⁶¹ Sunat, jika seseorang lelaki berkemampuan (zahir dan batin), mempunyai keinginan (nafsu syahwat) tetapi masih dapat mengawalinya dan menjaga diri jika tidak berkahwin.⁶² Bahkan menurut al-Nawawi, jika dia bukan ahli ibadat adalah lebih utama baginya berkahwin supaya tidak mendatangkan keburukan pada masa lapangnya.⁶³

Wajib apabila seseorang lelaki telah berkemampuan dan mempunyai keinginan (nafsu syahwat) yang tidak boleh dikawal. Sekiranya tidak berkahwin dibimbangi ia akan melakukan zina. Menurut pendapat jumur ahli zahir (yang berpegang pada zahir hadith) ia adalah Wajib. Para ulama' yang terkemudian (*Muta'akhirin*) daripada golongan Maliki berpendapat ia adalah sebagai 'hak'. Segolongan mengatakan bahawa hak itu sebagai Wajib. Manakala sebahagian lagi mengatakan Sunat dan sebahagian lain mengatakan Harus. Bagi mereka, pertimbangan yang diambil kira ialah kebimbangan terjerumus kepada perzinaan.⁶⁴

Makruh, jika seseorang itu mempunyai keinginan (nafsu syahwat) tetapi tidak berkemampuan dari segi kewangan. Begitu juga hukum makruh berkahwin jika seseorang itu takut atau kluatir akan menzalimi bakal isteri dalam pergaulan, kalau ia berkahwin⁶⁵. Sedangkan hukumnya haram jikalau ia yakin haram berkahwin bagi orang yang berkeyakinan tidak akan dapat melaksanakan kewajipan sebagai seorang suami.

⁶¹ Disusun oleh Unit al-Quran, Sunah dan Tafsir, Pusat Penyelidikan Islam (1994), *op.cit.*, hal. 13-14.

⁶² *Ibid*, hal. 13.

⁶³ Sulaiman Endut (1999), *op.cit.*, hal. 13.

⁶⁴ Al-Qurtubiy, (1996), *op.cit.*, hal 197-198

⁶⁵ 'Umar 'Abd Allah (1961), *op.cit.*, hal.30-31

Manakala Islam menggalakkan berkahwin serta tidak digalakkan hidup membujang sepertimana Agama Roman Katholik, ia ditunjukkan dengan sabda Nabi S.A.W ;⁶⁶

“Tidak ada kehidupan seperti rahib di dalam Islam”

Hukum berkahwin dalam Islam juga boleh dianggap sebagai suatu kewajipan yang mesti dilakukan. Dalam istilah sesetengah fuqaha' menganggap apa-apa yang dituntut oleh syara' terhadap orang-orang mukallaf melakukannya dengan cara termesti dinamakan wajib atau fardhu tanpa membezakan kedua-duanya melainkan dalam ibadat Haji. Jumhur berpendapat Fardhu dan Wajib adalah sama. Namun bagi mazhab Hanafi sebagai perbezaan hukum fardhu dan wajib ialah sekiranya seseorang itu takut jatuh berzina kalau tidak kahwin maka hukumnya menjadi wajib, tetapi sekiranya yakin berzina sedangkan mampu dalam segala segi hukumnya adalah fardhu.⁶⁷ Justeru dalam Islam apabila seseorang lelaki telah berkemampuan dan mempunyai keinginan (nafsu syahwat) yang tidak boleh dikawal sekiranya tidak berkahwin dibimbangi ia akan terjerumus ke lembah perzinaan.

Makruh menurut Imam al-Syafi'e jika seseorang itu mempunyai keinginan (nafsu syahwat) tetapi tidak berkemampuan dari segi kewangan. Begitu juga hukum makruh berkahwin jika seseorang itu takut atau kkuatir akan menzalimi bakal isteri dalam pergaulan, kalau ia berkahwin⁶⁸. Imam Syafi'e menambah, makruh berkahwin

⁶⁶ Muhammad b. Ahmad b. Abi Bakr b. Farh al-Qurtubiy Abu 'Abd Allah, (1372) *Tafsir al-Qurtubiy*, juz 18, cet 2, Kaherah : Dar al-Sya'ab, hal 87. Lihat juga Al-Shaukani, 6:118

⁶⁷ Wahbah al-Zuhaili, Dr., (1989), *op.cit.*, hal. 78

⁶⁸ Umar 'Abd Allah (1961), *op.cit.*, hal.30-31

dengan mereka yang sakit berpanjangan, menikahi tunangan orang lain yang masih diterima tunangnya dan nikah "cina buta" yang tidak diniatkan.⁶⁹ Sedangkan hukumnya haram jikalau ia yakin.

Haram berkahwin bagi orang yang berkeyakinan tidak akan dapat melaksanakan kewajipan sebagai seorang suami. Sekiranya ia berkahwin ia akan melakukan kezaliman kepada isterinya. Misalnya seorang lelaki mengahwini wanita untuk dijadikan pelacur bagi mendapatkan sumber kewangan.⁷⁰ Begitu juga orang yang dihindangi penyakit perempuan sedangkan ia masih belum sembuh. Seterusnya haram berkahwin bagi lelaki yang sudah beristeri serta mempunyai beberapa orang anak sedang dia sendiri sakit dan tidak dapat mencari nafkah dan haram jika lelaki itu Muslim tetapi bakal isterinya kafir musyrik yang menyembah berhala kecuali wanita itu menganut Islam ataupun ahli kitab.⁷¹

Berdasarkan kepada penjelasan di atas maka sewajarnya ia menjadi pedoman kepada setiap individu Muslim sama ada yang belum berkahwin ataupun sudah untuk memikirkan dan membetulkan hasrat dan matlamat perkahwinan supaya menepati objektif yang ditetapkan oleh Islam. Apa yang jelas, hukum perkahwinan Islam lebih terperinci dengan mengambil kira segala aspek kemaslahatan individu dan masyarakat. Pembahagian hukum tersebut adalah untuk memastikan objektif, tujuan dan matlamat perkahwinan tercapai secara efektif dan global. Ini membuktikan perkahwinan Islam mempunyai nilai falsafah yang tinggi berbanding agama Kristian Roman Katholik.

⁶⁹ *Op.cit.*, hal. 79

⁷⁰ *Ibid.*, hal. 14.

⁷¹ Osman Bin Jantan, Hj., (2001), *op.cit*, hal. 136.

Justeru, nikah adalah suatu ikatan keagamaan yang dianjurkan Syari'at Islam. Hukum yang tersebut ini diijma' oleh segenap para *Mujtahidin*, tidak ada khilaf padanya.⁷² Perbezaan dalam kebanyakan pendapat imam mazhab dalam konteks perkahwinan Islam bukan bererti pertelingkahan, tetapi menunjukkan ketinggian dan kehalusan falsafah serta ajaran Islam. Ia juga sebagai inisiatif, kepelbagaian dan sebagai panduan yang akan memudahkan umat Islam dalam melaksanakan proses perkahwinan.

4.3.2 Halangan Perkahwinan

Relatifnya di dalam agama Kristian Roman Katholik halangan perkahwinan adalah berbentuk umum. Halangan perkahwinan yang ditetapkan oleh *Canon Law*⁷³ ada sembilan iaitu; Perkahwinan bukan sesama penganut agama Kristian Roman Katholik tidak dibenarkan. Namun yang berlainan mazhab adalah dibenarkan. Golongan *Sister* dan *Father* tidak boleh berkahwin (*celibacy*)⁷⁴. Halangan ini merupakan '*Holy Order*' yang merupakan salah satu tujuh tanda anutan Roman Katholik. Sekiranya hendak berkahwin mesti melepaskan gelaran sebagai *Sister* atau *Father* terlebih dahulu. Di dalam Islam tiada pengecualian untuk berkahwin. Justeru

⁷² Muhammmad Hasbi Ash Shiddieqy, Teungku, Prof. Dr.(1997), *op.cit.*, hal 222

⁷³ Dipetik daripada *The Code of Canon Law* iaitu suatu peraturan atau undang-undang yang diguna pakai oleh pihak dalaman gereja (*the law internal church*) bagi penganut-penganut agama Kristian Roman Katholik, Anglikan dan Orthodox. *The Code of Canon Law, op.cit.*

⁷⁴ Bagaimanapun di dalam ajaran Kristian amalan 'pembujangan itu merupakan amalan kerohanian yang tertinggi dalam agama Kristian yang dianjurkan oleh St. Paul yang mana diwajibkan para paderi (*priests*) dan '*Nuns*' supaya tidak berkahwin. Bahkan di dalam agama Kristian Roman Katholik menganggap *nuns* sebagai pengantin kepada Jesus. Sila lihat *The Encyclopedia of Religion,op.cit.*, hal. 145

semua penganutnya digalakkan berkahwin dan tidak digalakkan hidup membujang. Ia hanya akan menyekat naluri dan fitrah manusia yang semulajadinya berkehendak kepada hidup berpasang-pasangan. Jelas, Islam merupakan agama yang tidak bertentangan sama sekali dengan fitrah dan norma manusiawi.

Perjanjian (*Perpetual Vow*) untuk menjadi *Sister* atau *Father* di dalam agama Kristian Katholik yang tidak membenarkan mereka berkahwin juga halangan yang terlalu umum. Individu yang dipaksa untuk berkahwin juga boleh menuntut cerai selepasnya. Melakukan jenayah berat juga merupakan halangan bagi yang melakukan jenayah tersebut untuk berkahwin. Ini tidak termasuk halangan dalam Islam, kerana ia terlalu umum dan bersifat sementara. Apa yang digariskan Islam sebagai halangan ialah bersifat kekal dan selamanya. Walau bagaimanapun Islam menegaskan pemilihan pasangan secara terperinci dan mendalam semuanya untuk mengelakkan halangan-halangan seperti ini terjadi.

Halangan perkahwinan terjadi dengan pertalian darah di dalam keluarga seperti adik beradik, ibu, bapa, makcik, pakcik dan sebagainya. (bagi perkahwinan dengan '*first cousin*' pula hanya dibenarkan oleh Bishop)⁷⁵. Sesuatu hubungan pertalian yang rapat adalah tidak dibolehkan di dalam agama Kristian. Ini termasuklah perkahwinan antara pasangan yang mempunyai hubungan yang dekat seperti ibu mertua yang mengahwini anak menantu (bekas) adalah tidak dibenarkan. Di sini terdapat titik persamaan dengan Islam yang mengharamkan perkahwinan dengan pertalian darah

⁷⁵ Ketua di gereja tempatan atau bahagian.

yang rapat seperti ibu ke atas, anak ke bawah dan sebagainya.⁷⁶ Selain daripada halangan ini, bukanlah merupakan halangan khusus dalam Islam.

Menurut agama Kristian Roman Katholik segala perkara yang melibatkan kesopanan dan ketertiban awam akan diambil kira dalam meluluskan sesebuah permohonan perkahwinan seperti jika mempunyai ramai gundik atau perempuan simpanan adalah tidak dibenarkan untuk berkahwin. Sebelum berkahwin, berita perkahwinan akan dipampang atau disiarkan jika ada bantahan terhadap perkahwinan tersebut maka bantahan tersebut akan disiasat. Berbeza dengan Islam, tiada halangan seperti ini, malah perkahwinan amat digalakkan dalam hal tersebut, demi mengelakkan individu terbabit terus terjerumus ke lembah kehinaan yang berpanjangan. Justeru dalam Islam sesiapa yang bertaubat telah dijanjikan pengampunan oleh Allah S.W.T asalkan bertaubat dengan sebenar-benar taubat (Nasuha). Jelas perkahwinan Islam lebih praktikal sepanjang zaman dengan aplikasi yang jelas ke arah pembangunan peradaban ummah manusia secara fleksibel dan menyeluruh.

Selain itu, adik beradik angkat seperti adik atau abang angkat adalah tidak dibenarkan berkahwin menurut *Canon Law*.⁷⁷ Bagaimanapun Islam berbeza dengan Kristian Roman Katholik dalam hal ini, kerana perkahwinan adik beradik angkat adalah dibenarkan dan tidak menyalahi peraturan dan undang-undang Islam. Tegasnya, Islam tidak membataskan sesuatu yang hak iaitu keharusan berkahwin kecuali kepada halangan yang ditetapkan oleh Islam.

⁷⁶ *Sufra*, Bab 2, hal. 62-63.

⁷⁷ Mircea Eliade, (t.t), *op.cit.*, hal 69.

Perkahwinan dalam Islam adalah suatu yang amat digalakkan dan tidak ada halangan-halangan untuk berkahwin melainkan halangan yang telah digariskan dengan sempurna oleh undang-undang Islam. Halangan-halangan perkahwinan dalam Islam lebih merupakan golongan yang haram dikahwini sepertimana telah digariskan oleh Islam. Ia jelas disebut di dalam Firman Allah S.W.T dalam bab dua sebelum ini. Berdasarkan ayat al-Qur'an tersebut jelas bahawa terdapat beberapa halangan perkahwinan iaitu halangan mengahwini wanita dengan tiga sebab, pertama keturunan (*Nasab*) , kedua susuan (*Rada'*) dan ketiga persemendaan (*Musaharah*).⁷⁸

Pengharaman ke atas kategori-kategori di atas merupakan halangan-halangan yang digariskan agama yang jika dilihat dari satu sudut mempunyai hikmah yang tersembunyi iaitu untuk menjaga serta memelihara susur galur keturunan agar jelas, bersih dan tidak bercampur aduk serta membezakan manusia dengan haiwan. Seterusnya dengan adanya halangan ini maka akan dapat membentuk institusi keluarga dan kekeluargaan yang unggul, suci serta dipenuhi dengan rasa tanggungjawab yang menjadi nadi pembentukan masyarakat cemerlang dan gemilang berlandaskan al-Qur'an dan al-Hadith. Inilah asas dan istimewanya institusi perkahwinan dalam Islam.

⁷⁸ Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy, Tengku, Prof., Dr. (1997), *op.cit.*, hal. 236-244. Lihat juga Badaran Abu al-'Ainain Badaran, (1967),*op.cit.*, hal 81-82

4.3.3 Syarat Perkahwinan

Pada dasarnya terdapat perbezaan dari aspek syarat-syarat perkahwinan antara agama Kristian Roman Katholik dan syarat asas perkahwinan kedua-dua agama iaitu bagi agama Islam yang mensyaratkan adanya rukun perkahwinan iaitu; bakal suami dan isteri, akad (ijab dan kabul) wali atau wakil wali yang berperanan menikahkan pasangan tersebut dan juga dua orang saksi. Manakala dalam agama Kristian Roman Katholik, syarat asasnya ada bakal suami isteri, dua orang saksi dan paderi yang menerima perjanjian perkahwinan.

Di dalam agama Kristian Roman Katholik mempunyai lafaz akad nikah yang disebut perjanjian perkahwinan yang menjadi asas perkahwinan. Perjanjian nikah dalam Roman Katholik merupakan satu upacara terpenting (intipati) yang merupakan acara kemuncak dalam upacara perkahwinan agama Kristian. Sebelum perjanjian tersebut dilafazkan, paderi terlebih dahulu mengingatkan pengantin lelaki dan perempuan tentang persetujuan untuk berkahwin dan kesediaan untuk menerima tanggungjawab sebagai suami isteri seikhlas hati, mengingatkan tanggungjawab terhadap zuriat yang bakal dilahirkan serta mendidik mereka supaya taat kepada agama Kristian. Namun lafaz akad nikah di dalam agama Kristian bukanlah jaminan utama yang membolehkan pasangan dilabelkan secara undang-undang sebagai suami isteri. Ini kerana dalam agama Kristian terdapat undang-undang tertentu membolehkan pasangan mengisytiharkan diri mereka dengan kebenaran mahkamah sebagai suami isteri, seandainya mereka telah hidup bersama dalam sesuatu tempoh tertentu.⁷⁹ Ini

⁷⁹ *Sufra*, Bab 3, hal. 104

sekaligus memperlihatkan bahawa Roman Katholik tidak melihat secara lebih mampan kualiti komuniti penganut Kristian yang bakal lahir. Ini mencela imej tuhan yang sempurna.

Umumnya, terdapat tiga perkara yang mengesahkan perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik iaitu kedua-dua pihak mesti ada kemahuan dan kehendak, tidak terdapatnya halangan seperti yang telah ditetapkan oleh '*Canon Law*' dan mesti ada upacara dalam perkahwinan tersebut. Selain itu, perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik turut mempunyai beberapa syarat penting⁸⁰ yang mesti ada bagi memastikan ianya berjalan sempurna.

Syarat-syarat tersebut terbahagi kepada tiga syarat utama iaitu; pasangan pengantin (lelaki dan perempuan), dua orang saksi dan orang yang menerima perjanjian kahwin iaitu paderi. Syarat yang pertama terikat dengan syarat pihak lelaki dan perempuan hendaklah bersetuju untuk menjadi pasangan suami isteri.⁸¹ Had umur pengantin lelaki hendaklah berumur 16 tahun ke atas dan pengantin perempuan pula berumur 14 tahun ke atas untuk membolehkan berkahwin, bergantung kepada undang-undang kerajaan (Undang-undang yang berkuatkuasa di sesuatu tempat atau negeri).⁸² Manakala saksi pula seorang lelaki dan seorang perempuan. Di antara saksi ini tidak boleh mempunyai hubungan yang begitu rapat seperti hubungan adik beradik dan hendaklah berumur dua puluh satu tahun ke atas. Seterusnya syarat yang ketiga iaitu seorang paderi yang telah dilantik bagi mengupacarakan dan menerima perjanjian

⁸⁰ Temubual dengan **Paderi Edward**, *op.cit.*, pada 11 Febuari 2006

⁸¹ *The World Book Encyclopedia*, *op.cit.*, hal.221

⁸² *The Code of Canon Law- C1083.1*, *op.cit.*, hal. 193

kahwin tersebut. Selepas syarat-syarat perkahwinan di atas terlaksana, maka barulah upacara ritual seperti pertukaran cincin dan lain-lain akan dilakukan.

Menurut jumhur ulama' Islam, akad nikah tersusun pada lima rukun yang mengesahkan nikah tersebut, iaitu : lelaki dan perempuan (bakal suami isteri) ⁸³, wali, dua orang saksi dan lafaz akad". Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 menetapkan had umur berkahwin minimum bagi pengantin lelaki ialah 18 tahun ke atas dan bagi perempuan pula ialah 16 tahun ke atas, kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu. Kata Imam Malik : Rukun nikah lima iaitu : wali, mas kahwin (namun tidak disyaratkan menyebutnya dalam akad, suami, isteri dan lafaz akad. Para ulama' Hanafiyah pula berpendapat bahawa rukun nikah itu hanya tiga. Iaitu ; Ijab, Kabul, dan perpautan antara keduanya. (antara ijab dengan kabul itu).⁸⁴

Walaupun begitu Islam lebih teliti dalam menetapkan syarat yang mengikat rukun perkahwinan seperti ciri-ciri yang mesti ada pada wali mesti adil tidak fasiq, waras, berakal dan sebagainya. Begitu juga saksi mesti mempunyai ciri-ciri seperti beragama Islam, lelaki, tidak fasik, tidak dalam ihram dan sebagainya.⁸⁵ Semuanya adalah untuk menjamin kesucian dan terpeliharanya sebuah ikatan yang benar-benar bersandarkan perjanjian dengan nama Allah S.W.T. Saksi dan wali yang adil akan menjamin kesempurnaan perkahwinan tersebut tanpa berlakunya unsur-unsur penipuan

⁸³ Sila rujuk *Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan 1984)*, Akta (303), *op.cit.*, *Bahagian II, Seksyen 8* dan *Undang-undang Sarawak, Ordinan Undang-undang Keluarga Islam , 2001, (Bab 43), op.cit., Bahagian II*, Hal. 15

⁸⁴ Muhammad Hasbi Asy Syiddieqy, Teungku , Prof. Dr.(1997), *op.cit.*, hal 222

⁸⁵ *Sufra*, sila rujuk Bab 2, hal. 35

dan menjamin kesucian dan keharmonian perkahwinan di kemudian hari. Begitu juga calon suami dan isteri mempunyai syarat-syarat tertentu⁸⁶ bagi menjamin terpeliharanya keharmonian, keutuhan dan kesejahteraan rumahtangga yang akan terbina nanti. Syarat-syarat yang teliti tersebut merupakan suatu keistimewaan dalam Islam yang bertujuan menjamin pembinaan manusia yang berkualiti dan pembangunan ummah manusia yang kukuh serta harmoni.

Begitu juga akad iaitu ijab dan kabul merupakan asas paling penting dan menduduki tahap teratas dari akad-akad lain dalam Islam. Ini kerana ia merupakan perjanjian yang melibatkan kepentingan duniawi dan ukhrawi yang secara tidak langsung melibatkan jiwa manusia berbanding akad lain yang hanya melibatkan benda atau manfaat sesuatu barang sahaja. Tanpa upacara akad nikah sesuatu perkahwinan dianggap tidak sah di sisi agama dan masyarakat.⁸⁷ Akad nikah mesti dilafazkan secara tepat dan jelas bukan dengan sindiran dan bukan dengan ta'liq (syarat yang masih tergantung), bukan dalam waktu yang terbatas dan tidak ada kelengahan masa antara lafaz ijab dan kabul. Ijab mestilah dari wali atau wakilnya manakala kabul pula mestilah dari bakal suami atau wakilnya.⁸⁸ Justeru akad nikah disunatkan pada bulan Syawal dan sunat bersatu (*dukhul*) pun padanya, iaitu pada pagi hari Jumaat di masjid sepertimana yang dilakukan oleh Nabi S.A.W ke atas Sayidatina 'Aisyah r.a.⁸⁹

⁸⁶ *Sufra*, lihat Bab 2, hal 34-35

⁸⁷ Yaakob Harun, (1995), *op.cit.*, hal. 95

⁸⁸ *Sufra*, Bab 2, hal. 32-33.

⁸⁹ 'Ali Bin Abdul Rahman, al-Syeikh, al-Kalantani,(Penyusun), (2005), *Al-Jauhar al-Mauhub Wa Munabbihat al-Qulub (Permata Pemberian Yang Indah dan Menjaga Segala Hati yang Lalai)*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, hal. 270

Justeru begitu teliti dan sempurnanya rukun yang diikat dengan syarat perkahwinan Islam bagi memeterai sebuah perjanjian suci bersaksikan kalimah Allah S.W.T sebagai asas memikul amanah dan tanggungjawab pada kelangsungan hidup seterusnya. Ini merupakan asas utama dalam pembentukan ummah manusia berlandaskan prinsip-prinsip ajaran Islam dan sekaligus melahirkan generasi berakhlak, bijak dan rabbani

Jelas Islam jelas lebih terperinci dan sangat halus dalam menetapkan syarat perkahwinan berbanding Kristian Roman Katholik. Ini kerana syarat perkahwinan dalam agama Roman Katholik terlalu umum dan tidak terperinci. Ia menunjukkan perkahwinan Roman Katholik agak kurang praktikal dan masih terlalu longgar perlaksanaannya. Sekaligus memperlihatkan kurangnya nilai-nilai rabbani dalam falsafah dan etika perkahwinan tersebut. Jelas ianya mencemar imej Tuhan yang dikatakan suci, kudus dan sempurna.

4.3.4 Kepentingan Perkahwinan

Fungsi perkahwinan agama Kristian Roman Katholik adalah untuk menyempurnakan kehendak-kehendak jasmani iaitu membolehkan seksualiti (persetubuhan) berlaku menurut saluran yang sah dalam agama Kristian Roman Katholik. Di situ akan lahirlah ketenangan jiwa apabila pasangan saling membantu dan menikmati kepuasan dalam hubungan seksual secara sah.⁹⁰ Oleh kerana itulah perkahwinan di dalam agama Kristian Roman Katholik dikenali sebagai penyatuan

⁹⁰ *New Catholic Encyclopedia, op.cit.*, hal. 271. Lihat juga Michael Keene, 1996, *op.cit.*, hal. 132

suci antara Adam dan Hawa (Adam and Eve) dan dianggap sebagai seruan⁹¹ yang amat digalakkan kepada penganut agama Kristian Roman Katholik.

Perkahwinan dalam Roman Katholik lebih merupakan upacara suci yang berkaitan rapat dengan gereja. Satu perjanjian suci telah dibuat di gereja Roman Katholik dalam tahun 1439 yang mana isi-isi dalam perjanjian tersebut ialah, mengiktiraf bahawa perkahwinan itu merupakan satu upacara yang suci untuk sebuah pasangan menghalalkan pertalian antara mereka.⁹² Begitu juga Ralph Linton dalam bukunya *The Study Of Man*, yang menjelaskan makna perkahwinan sebagai sesuatu yang diiktiraf, iaitu;⁹³

"Perkahwinan adalah suatu perhubungan antara dua orang yang berbeza jantina dan diiktiraf oleh masyarakat. Perkahwinan ini berbeza dengan perhubungan seks secara tidak berkahwin dan ini pada dasarnya merupakan faktor akuan dalam sesuatu masyarakat itu. Juga merupakan satu faktor perlembagaan masyarakat yang dianggap penting kerana ia mengadakan satu dasar yang kukuh untuk perkembangan dan organisasi kelompok conjugal. Dengan fungsi perkahwinan untuk menyempurnakan kehendak-kehendak jasmani seterusnya untuk melahirkan anak adalah sebagai faktor kedua".

Jelas melalui perkahwinan agama Kristian khususnya Roman Katholik perhubungan antara dua jantina yang berbeza akan diakui serta diiktiraf oleh masyarakat dan pihak gereja. Faktor akuan pihak gereja ini penting bagi membolehkan kedua-dua pihak membina satu institusi kekeluargaan yang diiktiraf oleh masyarakat yang selari dengan norma umum. Sungguhpun perkahwinan dalam agama Kristian bukan suatu kewajipan bagi para penganutnya namun ia adalah digalakkan sebagai

⁹¹ Mircea Eliade, (t.t), *op.cit*, hal 218. Lihat juga Michael Keene, (1996), *op.cit.*, 132

⁹² Paul F. Grendler (Editor in chief), *op.cit.*, hal. 52

⁹³ Ralph Linton, (1936), *op.cit.*, hal. 173

salah satu faktor perlembagaan masyarakat yang penting kerana ia mengadakan satu dasar yang kukuh untuk perkembangan dan organisasi kelompok *conjugal*.

Perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik juga berfungsi menjadi salah satu asas kepada kehidupan berkeluarga⁹⁴ yang sah di sisi undang-undang.⁹⁵ Oleh itu, perkahwinan bertujuan mewujudkan asas kesinambungan keluarga, kekeluargaan dan masyarakat⁹⁶ melalui pembiakan zuriat serta keturunan bagi membentuk satu hubungan masyarakat yang sempurna.⁹⁷ Maka dari perkahwinan tadi akan melahirkan zuriat yang sah melalui kontrak perjanjian akad nikah yang diiktiraf dari sudut undang-undang. Ia berkait dengan segala hak seterusnya yang harus dimiliki oleh waris secara tepat dan mutlak melalui perundangan Sivil.

Namun dalam agama Kristian Roman Katholik turut menyarankan '*Celibacy*' iaitu konsep pembujangan yang dianjurkan oleh St. Paul. St. Paul lebih mengutamakan membujang daripada berkahwin. Pengecualian supaya berkahwin itu hanyalah diberi kepada seseorang semata-mata kerana bimbang daripada terjerumus ke lembah nafsu dan perzinaan.⁹⁸ Ini bermakna perkahwinan dalam Roman Katholik masih terdapatnya pengecualian. Tujuan dan matlamat perkahwinan sebenar perkahwinan tersebut belum tercapai sepenuhnya. Menurut Islam menafikan langsung kehendak nafsu merupakan satu mudharat yang mampu menggugat kestabilan kehidupan manusia. Ia akan menjadikan manusia hidup di dalam keadaan terseksa batinnya, kelaparan dan tidak

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ *Encyclopedia Britannica, op.cit.*, hal. 14. Lihat juga *Encyclopedia Of Americana, op.cit.*, hal. 311

⁹⁶ John Mack, 1996, *op.cit.*, hal 149-150

⁹⁷ *The Encyclopedia of Religion, op.cit.*, hal 218

⁹⁸ Abd. Kadir Hj. Abdullah Hassan (2002), *op.cit.*, hal. 36

mendapat ketenangan. Membiarkan manusia bebas mengikut kehendak nafsu juga membawa mudharat terhadap kehidupan mereka. Ia akan menghancurkan sistem kekeluargaan dan sekaligus memusnahkan masyarakat.⁹⁹

Perkahwinan di dalam Islam merupakan satu peradaban yang membina dan membangunkan generasi ketamadunan Islam secara global. Peradaban tersebut direalisasikan melalui institusi perkahwinan yang merupakan perlembagaan Islam yang lengkap dan universal. Justeru dalam al-Qur'an seterusnya memberi petunjuk berkenaan tiga keadaan yang diperolehi dari perkahwinan yang mampu membentuk peradaban Islam. Sepertimana Firman Allah S.W.T berikut:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

"Di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Allah telah menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikan-Nya rasa kasih dan sayang."

Surah al-Rum (30) : Ayat 21

Ketiga-tiga keadaan yang tersebut ialah ketenteraman nafsu seks, hubungan kecintaan antara suami isteri serta anak-anak dan perasaaan kasih sayang.¹⁰⁰ Jelas konsep perkahwinan Islam lebih mementingkan kesucian hubungan suami isteri

⁹⁹ *Ibid.*, hal. 147

¹⁰⁰ Muhammad Rasyid Rida, (1987), Afif Muhammad, (terj.), *op.cit.*, hal. 20-22

berlandaskan fitrah dan roh Islamiah, kelahiran zuriat yang suci, pembinaan keluarga dan institusi kekeluargaan yang bersakhshiah dan unggul. Begitu juga dengan pelaksanaan tanggungjawab suami isteri dan pendidikan terhadap anak-anak sebagai penyambung generasi Islam yang syumul, cemerlang dan gemilang.

Di dalam Islam mengiktiraf secara khusus hubungan jenis di antara lelaki dan wanita. Ia jauh sekali berbeza dengan ajaran lain yang menganggapnya kotor dan keji. Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud :

"Didatangkan rasa suka kepada diriku daripada dunia kamu wangi-wangian dan perempuan, dan dijadikan ketenangan matahatiku di dalam sembahyang."¹⁰¹

Perasaan inginkan perhubungan jenis di antara lelaki dan perempuan di dalam hadith di atas disamakan dengan martabat minyak wangi yang merupakan bau yang paling disukai di dunia oleh semua manusia. Kemudian ia digandingkan pula dengan sembahyang. Iaitu satu ibadah yang paling tinggi bagi manusia mendekatkan dirinya kepada Allah S.W.T. Perkara ini membuktikan bahawa ajaran Islam mengiktiraf hubungan jenis antara lelaki dan perempuan yang merupakan salah satu fitrah dan naluri semulajadi. Justeru perkahwinan Islam melengkapkan segala aspek jasmani dan rohani.

Perkahwinan bukan sahaja dapat mengelakkan perbuatan zina, homoseksual, lesbian dan pelbagai cabang maksiat lain yang boleh meruntuhkan moral manusia. Bahkan ikatan yang sah melalui perkahwinan dapat mengekalkan baka keturunan yang

¹⁰¹ *Ibid.*, hal. 149

sah, terjamin dan dapat mengembangkan umat Islam. Justeru anak yang lahir dari perkahwinan yang sah dalam Islam diiktiraf oleh Syari'at dan undang-undang serta masyarakat keseluruhannya. Ia dibuktikan dengan hak pewarisan harta, nama keturunan dan selainnya akan dapat diperolehi hanya dengan perkahwinan yang sah tadi. Ini kerana Islam amat menitik beratkan kesucian keturunan supaya jelas dan tidak mengelirukan melalui kontrak perjanjian dan syarat-syarat perkahwinan yang tertentu.

Suruhan dan galakan berkahwin dalam Islam adalah supaya dapat membentuk institusi keluarga yang bukan sahaja untuk memenuhi kehendak naluri dan memperkembang biakkan umat manusia, bahkan untuk membentuk, membina dan memperkembangkan peradaban manusia.¹⁰² Sementara Profesor Gibb dan Goethe pula menambah perkahwinan di dalam Islam melebihi daripada sistem *theology*, bahkan ia merupakan suatu permulaan peradaban dan puncak semua peradaban.¹⁰³ Melalui perkahwinan akan merealisasikan institusi keluarga dan kekeluargaan serta masyarakat yang menjana di dalamnya aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Melalui perkahwinan terbentuknya pembangunan dan kemajuan tamadun Islam serta berkembangnya ilmu pengetahuan seantero dunia.

Justeru tidak akan ditemui di atas muka bumi ini agama lain selain Islam yang bersikap adil terhadap kemanusiaan. Islam tidak menafikan keinginan terhadap anak, isteri dan harta dunia merupakan fitrah mereka.¹⁰⁴ Walaupun Islam mengiktiraf

¹⁰² Muhammad 'Ali, Maulana (1938), *The Religion Of Islam*, Lahore, hal. 602-604

¹⁰³ Yusuf Wibisono (1980), *op.cit.*, hal. 25

¹⁰⁴ Fadhilah Sarnap (2001), *op.cit.*, hal. 144

perkahwinan sebagai fitrah, namun ia tidak membiarkannya tanpa panduan sehingga tiada kawalan dan menyebabkan manusia tenggelam di dalam kehendak syahwat.¹⁰⁵

Islam amat menggalakkan mengembangkan zuriat dengan berkahwin dan melarang amalan pembujangan kerana ia hanya mengurangkan kuantiti umat Islam. Sesungguhnya bilangan umat Islam yang ramai merupakan kebanggaan Rasulullah S.A.W di akhirat nanti. Secara tidak langsung melalui perkahwinan ini umat Islam juga dapat mencapai ketenangan hidup dengan adanya pendamping dan pendokong yang rapat iaitu suami dan isteri dan dapat memelihara kesucian diri (tidak berzina). Jelas perkahwinan dalam Islam mengandungi pelbagai hikmah dan kepentingan yang besar dalam merealisasikan konsep *khaira ummah* seperti mana dianjurkan Islam.

4.3.5 Bentuk Perkahwinan

Relatifnya, di dalam agama Kristian khususnya Roman Katholik, hanya membenarkan bentuk perkahwinan monogami. Poligami adalah tidak dibenarkan sama sekali di dalam agama Kristian Roman Katholik. Westermarck menyatakan poligami pernah diakui oleh gereja sehingga abad ke-17, tetapi pada masa permulaannya, poligami hanya dibolehkan dalam keadaan-keadaan dan tempat tertentu.¹⁰⁶ Jelasnya, di peringkat permulaan kebanyakan agama sebelum Islam seperti Yahudi dan Nasrani

¹⁰⁵ *Ibid.*, hal. 145

¹⁰⁶ Amran Kasimin (1990), *op.cit.*, hal. 17

tidak menyatakan tentang pengharaman poligami. Di dalam Bible misalnya poligami dibenarkan oleh kerana tiada pernyataan yang jelas tentang pengharamannya.¹⁰⁷

Larangan terhadap poligami bagi pengikut Nasrani mula diputuskan di Romawi. Pemuka-pemuka Nasrani telah mula memesong dan memutar belitkan pernyataan Bible mengenai urusan perkahwinan.¹⁰⁸ Bahkan pada abad kebelakangan, negara-negara Kristian Eropah mula terikut-ikut dengan kebiasaan nenek moyang mereka iaitu berkahwin secara monogami dan melarang poligami. Ekoran daripada setelah diamalkan turun temurun maka mereka mula menghukumkan haram berpoligami.¹⁰⁹

Di dalam agama Kristian Roman Katholik pengkategorian dua ciri utama dalam konteks pembentukan perkahwinan amat dititikberatkan, iaitu konsep penyatuan (*unity*) dan konsep tidak boleh dimansuhkan (*indissolubility*)¹¹⁰ dalam perkahwinan. Perkahwinan merupakan penyatuan antara seorang lelaki dan seorang perempuan buat selamanya. Justeru, menurut agama Kristian Tuhan (Pencipta) telah mencadangkan *monogamy* (berkahwin seorang sahaja) sebagai peraturan dalam perkahwinan dan bukannya *poligamy* (berkahwin lebih dari seorang).¹¹¹

Undang-undang dalam agama Kristian Roman Katholik juga tidak membenarkan sama sekali para paderi gereja untuk berkahwin dan diseru supaya mengamalkan *celibacy* (membujang). Undang-undang tersebut dianggap memelihara

¹⁰⁷ R.J Zwi Werblowsky (1967), *op.cit.*, hal.305

¹⁰⁸ Mustafa Suhaimi (1992), *ibid*, hal. 6

¹⁰⁹ Muhammad al-Mansur (1998), *op.cit.*, hal. 117

¹¹⁰ *The Code of Canon Law, op.cit.*, 1056

¹¹¹ *The Encyclopedia of Religion, op.cit.*, hal. 270

kesucian kepaderian berasaskan daripada peristiwa Jesus Christ.¹¹² Konsep pembujangan ini walaupun hanya untuk para paderi (*Fathers and Sisters*) namun ianya jelas menafikan fitrah semulajadi manusia yang berkehendak dengan perkahwinan. Ianya nyata menyekat perkembangan nilai-nilai peradaban manusia yang sepatutnya berkembang mengikut fitrah melalui perkahwinan. Di samping itu, sandaran hujah suruhan 'membujang' turut diragui dan dipertikai keabsahannya terutama dari sudut autoriti sumber hukum agama Kristian Roman Katholik.

Prinsipnya, bentuk perkahwinan Islam ialah seorang isteri bagi seorang suami (monogami) kerana ia adalah bersesuaian dengan tabiat semulajadi manusia yang bersifat normal. Sudah menjadi fitrah semulajadi manusia hidup berpasang-pasangan dan bahagia serta rukun damai sepanjang hayat. Malah jika dilihat Rasul SAW sendiri mempunyai seorang isteri sahaja bagi satu tempoh masa yang panjang iaitu dari umurnya 25 tahun ketika berkahwin dengan Saidatina Khadijah r.a sehinggalah baginda mencapai umur 50 tahun apabila Saidatina Khadijah wafat¹¹³.

Manakala bentuk perkahwinan kedua yang turut diiktiraf oleh Islam ialah poligami iaitu perkahwinan seorang lelaki dengan lebih dari seorang wanita. Perlu diketahui poligami dalam Islam hanya dibolehkan dalam keadaan tertentu sahaja. Di sini Islam menetapkan poligami tidak boleh lebih dari empat orang wanita sahaja dengan diiringi syarat-syarat tertentu. Islam mengakui prinsip perkahwinan poligami justeru ia mengandungi faktor-faktor kemaslahatan dalam masyarakat yang tertentu.

¹¹² *The Enclopedia Americana, op.cit.*, hal. 349

¹¹³ B.Aisyah Lemu dan Fatima Heeren,(1978), *op.cit.*, hal.27.

Tidak dinafikan terdapat lelaki yang tidak boleh menahan nafsunya, maka Islam mengharuskan poligami bukan sahaja sebagai jalan keluar kepada orang-orang seperti ini tetapi untuk melindungi wanita daripada keganasan dan kebuasan yang mungkin dilakukan ke atasnya. Islam melindungi wanita daripada risiko pengguguran anak haram kerana hubungan luar nikah, kesahatarafan seseorang anak dan menjadikan sebagai isteri yang sah dan mempunyai hak dalam semua keadaan ¹¹⁴. Lelaki Muslim mempunyai suatu tanggungan di sisi undang-undang yang lengkap ke atas isteri-isteri dan anak-anak mereka.¹¹⁵

Sejarah membuktikan amalan poligami telah diamalkan secara meluas di seluruh dunia tanpa berperaturan dan penuh penganiayaan terhadap wanita. Pada dasarnya Islam tidak memperuntukkan bahawa poligami sebagai suatu amalan sejagat (universal).¹¹⁶ Namun kedatangan Islam itu sebenarnya adalah menyambung adat kebiasaan yang telah sedia ada dan memperelok serta menghadkan amalan sistem tersebut yang sebelumnya dilakukan tanpa batas.¹¹⁷ Di sini terdapatnya banyak keraguan pada hujah larangan berpoligami di dalam agama Kristian Roman Katholik kerana ianya dipengaruhi oleh sentimen masa dan peristiwa. Berbeza dengan Islam setiap hukum yang diturunkan adalah *qat'ie* (tetap) dan tidak akan berubah mengikut masa dan zaman. Ini kerana sumber hukum Islam sangat terpelihara kesahihannya dan

¹¹⁴ Afif Ab. Fattah Tabbarah (1978), *op.cit.*, hal.28-29

¹¹⁵ *Op.cit.*, hal.28.

¹¹⁶ Nabi Muhammad SAW sendiri mempunyai seorang isteri sahaja bagi satu tempoh masa yang panjang, iaitu dari umurnya 25 tahun ketika berkahwin dengan Saidatina Khadijah r.a sehingga baginda mencapai umur 54 tahun apabila Saidatina Khadijah r.a wafat. Ini bermakna selama 29 tahun baginda mempunyai seorang isteri. Padahal amat jelas dalam lingkungan persekitarannya amalan poligami diamalkan secara berleluasa tanpa batasan. Ke sembilan perkahwinan yang kemudian dilakukan baginda dalam enam tahun berturut-turut kemudian, sepertimana yang ditunjukkan oleh sejarah kerana atas beberapa sebab dan kemaslahatan tertentu.

¹¹⁷ Ahmad Syalabi (1971), *op.cit.*, hal. 152

dijamin terpelihara kesuciannya sepanjang zaman oleh Allah S.W.T sepertimana Firman-Nya bermaksud:

”Sesungguhnya inilah dia peringatan (Al-Quran), dan sesungguhnya Kami (Allah) yang akan memeliharanya”

Surah al-Hijr (15): 9

Di dalam agama Islam, perkahwinan diturunkan sebagai perundangan dari Allah (S.W.T) dan masyarakat Islam wajib menyesuaikan tata cara perkahwinannya menurut batasan syariat Islam yang telah diturunkan.¹¹⁸ Justeru bentuk perkahwinan Islam adalah fleksibel untuk semua masyarakat iaitu monogami dan poligami¹¹⁹ Perkahwinan monogami di dalam Islam merupakan suatu norma dan prinsip manakala poligami sebagai suatu kecualian. Islam tidak menggalakkan poligami, tetapi memperbolehkannya dengan syarat-syarat tertentu.¹²⁰ Islam mengakui poligami¹²¹ kerana ia mempunyai muslihat kemasyarakatan dan mengelakkan sebarang bencana.

¹¹⁸ Sidi Ghazalba, Dr., (1981), *op.cit.*, hal. 34

¹¹⁹ Terkandung dalam *Akta 303, Undang-undang Keluarga Islam bagi Wilayah Persekutuan* dan terkandung dalam *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam bagi Negeri Pulau Pinang (1985), Johor (1990), Negeri Sembilan (1984), Undang-undang Keluarga Islam Kedah 1979, (dikuatkuasakan pada 1984); Pahang, Selangor dan Melaka, Seksyen 19, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.*

¹²⁰ Poligami walaupun dibolehkan dalam Islam namun perlaksanaannya sangat-sangat sempit dan ada batasan tertentu kerana dengan bergantung semata-mata kepada "takut" dalam Surah al-Nisa'(4): 3 sahaja maka poligami sudah menjadi sesuatu yang haram dan wajib beristeri seorang sahaja.

¹²¹ Di dalam Islam membenarkan berkahwin lebih dari satu (poligami) dan dibataskan jumlahnya sehingga empat orang isteri. Keharusannya termaktub dalam Surah al-Nisa'(4) : 3

4.3.6 Pembubaran Perkahwinan (Perceraian)

Pembubaran sesebuah perkahwinan dalam agama Islam adalah berpandukan undang-undang perlembagaan Islam di bawah Undang-undang Keluarga Islam (Akta 303) mengenai perkahwinan ataupun pembubaran perkahwinan.¹²² Manakala pembubaran perkahwinan penganut agama Kristian Roman Katholik pula adalah berpandukan kepada Undang-undang Sivil yang diguna pakai oleh penganut agama Kristian di seluruh dunia. Di Malaysia, ia dilakukan mengikut peruntukan di dalam Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 tanpa mengira sama ada perkahwinan itu diupacarakan mengikut undang-undang, agama, adat atau kelaziman. Ini bermakna permohonan perceraian mesti dibuat di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa.¹²³

Prinsipnya, perceraian atau pembubaran sesebuah perkahwinan di dalam agama Kristian Roman Katholik adalah tidak dibenarkan sama sekali. Ia dijelaskan di dalam Santo-Matthews berikut ¹²⁴ :

“ Some Pharisees came to him to test him.They asked, 'Is it lawful For a man to divorce his wife for any and every reason?' 'Haven't you read,' he replied, 'that at the beginning the Creator 'made them male and female,' And said, 'For this reason a man will leave his father and mother and be united to his wife, and the two will become one flesh'? So they are no longer two, but one.Therefore what God has joined together, let man not separate.' 'Why then,' they asked, 'did Moses command that a man give his wife a certificate of divorce and send her away?' Jesus replied, 'Moses permitted you to divorce your wives Because

¹²² Ahmad Ibrahim, Prof., Tan Sri (1999), *op.cit*, hal. 90-93

¹²³ Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari, (2002), *op.cit.*, hal. 116

¹²⁴ Sila rujuk *Santo-Matthews*, 19 : 3-8

your hearts were hard. But it was not this way from the beginning.”

Pernyataan dari Bible tersebut menjadi bukti yang perceraian adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam agama Kristian Roman Katholik atas alasan suami dan isteri telah disatukan oleh Tuhan melalui perkahwinan. Jesus Christ berpegang teguh bahawa asal perkahwinan adalah dalam perancangan Pencipta (Tuhan). Oleh kerana itu ianya tidak boleh dirungkai sama sekali. Selain itu, perceraian dalam Roman Katholik merupakan salah satu dosa dan kesalahan berat yang berlawanan dengan kemuliaan perkahwinan.¹²⁵ Tiada apa-apa pun yang dapat memisahkan mereka selain mati sebagaimana dokumen Katholik Tahun 1983 menyatakan¹²⁶:

"A ratified and consummated marriage cannot be dissolved by any human power or for any reason other than death:

(Codex Iuris Canonici)

Ini jelas bertentangan dengan fitrah manusia. Ini kerana kemurnian sesebuah perkahwinan terletak pada kualiti pembinaan aspek sesebuah perkahwinan secara holistik, bukannya terletak pada imej Tuhan semata-mata. Kemaslahatan masyarakat perlu diambil kira dalam pelaksanaan sesebuah perkahwinan, seperti apabila pasangan sudah tidak dapat hidup bersama sebagai suami isteri maka satu penyelesaian terbaik perlu dilaksanakan iaitu melalui perceraian. Ini bererti Roman Katholik tidak sensitif terhadap penganutnya dengan memaksa meneruskan perkahwinan yang hanya akan memudharatkan kedua-dua pihak.

¹²⁵ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 136

¹²⁶ *Ibid.* Lihat juga, *The Code of Canon Law*- C1141

Memandangkan perkahwinan agama Kristian Roman Katholik berbentuk monogami, maka hanya melalui perceraian sahaja dianggap sebagai salah satu alasan membolehkan seorang lelaki atau perempuan tersebut berkahwin dengan orang lain. Jesus Christ dalam Bible menyebut bahawa tidak harus bercerai melainkan dengan berzina sepertimana berikut ¹²⁷:

"It has been said, 'Anyone who divorces his wife must give her a certificate of divorce. 'But I tell you that anyone who divorces his wife, except for marital unfaithfulness, causes her to become an adulteress, and anyone who marries the divorced woman commits adultery.'"

Pernyataan di atas menjelaskan hanya dengan jalan curang atau perzinaan sahaja dapat memutuskan perkahwinan Roman Katholik dan ia dikutuk oleh kedua-dua *'The Old Testament'* dan *'The New Testament'*. Para Nabi dalam *'The Old Testament'* meletakkan zina sama tarafnya dengan penyembah berhala. Ditambah pula Jesus Christ dalam *'The New Testament'* menyebut fikiran nafsu syahwat termasuk dalam perbuatan 'zina hati'.¹²⁸ Nyata sekali di dalam agama Kristian melarang keras membubarkan sesuatu perkahwinan kerana ia telah disatukan oleh Tuhan. Justeru jika melihat apa yang berlaku di dunia barat khususnya, oleh kerana kesukaran untuk menuntut perceraian maka terdapatnya warga negara barat yang bersekedudukan untuk membolehkan mereka menuntut cerai agar diluluskan oleh Mahkamah. Ini menimbulkan masalah sosial. Ini amat bertentangan dengan tujuan dan fungsi perkahwinan yang merupakan imej tuhan.

¹²⁷ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 136. Sila lihat, *Santo-Matthews*, 5: 31-32

¹²⁸ Michael Keene, (1995), *op.cit.*, hal. 136

Umumnya di dalam Undang-undang Sivil tiada peruntukan yang menyatakan bahawa suami mempunyai hak untuk menceraikan isterinya. Ini bermakna isteri mempunyai hak sama rata seperti mana suami dalam membubarkan perkahwinan mereka.¹²⁹ Walaupun pada zahirnya suami atau isteri tersebut sudah tidak mempunyai ikatan atau hubungan sebagai suami isteri lagi namun ada beberapa hak yang patut ditunaikan oleh bekas suami, tujuannya adalah untuk menjaga kemaslahatan isteri yang telah diceraikan. Antara hak-hak tersebut ialah nafkah, hak penjagaan anak, hak harta sepencarian dan lain-lain. Namun ianya tidak terdapat dalam undang-undang Roman Katholik. Oleh kerana Roman Katholik tidak membenarkan perceraian berlaku ianya turut tidak menyediakan undang-undang penjagaan hak seperti nafkah, hak penjagaan anak, dan sebagainya secara khusus sepertimana Islam. Ini menjejaskan kualiti perkahwinan dalam Roman Katholik sekaligus menjejaskan kesempurnaan imej tuhan.

Justeru di dalam agama Kristian Roman Katholik, oleh kerana tidak terdapat undang-undang khusus diperuntukkan sepertimana Islam berkaitan perkara-perkara tertentu seperti perceraian maka undang-undang Sivil dibenarkan untuk diguna pakai bagi memenuhi keperluan tersebut. Kedudukan undang-undang '*Canon Law*' dalam gereja agama Roman Katholik boleh menjadi setaraf dengan undang-undang Sivil bilamana hukum tersebut tidak terdapat dalam '*Canon Law*'. Ini bermakna apa sahaja perkara jika tidak terdapat dalam '*Canon Law*', secara tidak langsung akan merujuk kepada undang-undang Sivil. Ianya jelas dinyatakan di dalam *Code of Canon Law*.¹³⁰

¹²⁹ Awg Hidzel b. Awg Bujang (1991), *op.cit.*, hal. 74..

¹³⁰ *The Code of Canon Law*- C22

Contohnya, di dalam undang-undang *Canon Law (the law internal church)* tidak disebut mengenai perceraian kerana istilah perceraian tidak pernah wujud, justeru konsep perkahwinan Roman Katholik adalah kekal.¹³¹ Perceraian hanya merupakan istilah Sivil dan ianya tidak terdapat di dalam Undang-undang gereja (*Canon Law*). Perkahwinan kali kedua juga turut tidak disahkan oleh gereja.¹³² Secara tidak langsung terdapatnya beberapa kepincangan dari beberapa sudut dalam perundangan agama Kristian Roman Katholik sehingga ianya perlu merujuk kepada sebuah undang-undang luar gereja iaitu perundangan Sivil dalam menyelesaikan beberapa permasalahan penting sedangkan '*Canon Law*' merupakan perundangan gereja yang tinggi kedudukannya dalam agama Roman Katholik. Seharusnya ia tidak menampakkan ciri-ciri kelemahan terutamanya dalam menjaga kesucian gereja dan juga imej tuhan.

Justeru, merujuk kepada nafkah untuk bekas isteri dalam perundangan Sivil bukanlah menjadi satu kewajiban bagi bekas suami untuk membayarnya. Ia bergantung samada suami bersetuju atau tidak membayar nafkah setelah bercerai. Ini kerana si isteri sudah tiada apa-apa hubungan lagi pada hakikatnya dengan bekas suaminya. Bekas isteri tidak mempunyai hak lagi terhadap nafkah terutama jika ia berkemampuan. Isteri juga boleh membayar nafkah kepada suaminya atau bekas suaminya jika dia tidak berupaya semua sekali atau separa sahaja dengan persetujuan mahkamah. Ia diperuntukkan di dalam Seksyen 77 AMU 164. Ini berbeza dalam Islam jika dilihat nafkah suami terhadap isteri atau bekas isteri tetap berjalan sehinggalah habis tempoh iddah. Ini bermakna perundangan Islam amat terperinci dan mengambil kira segala

¹³¹ *The Code of Canon Law*- C 1056

¹³² Temubual dengan **Paderi William Sabang**, *op.cit.*.

aspek yang bersangkutan paut dengan kehidupan manusia terutama dalam memastikan keharmonian dan kebajikan manusia sentiasa terpelihara.

Relatifnya, di dalam agama Islam, pembubaran perkahwinan (perceraian)¹³³ yang menggunakan lafaz talak¹³⁴ dalam Islam adalah dibenarkan mengikut syarat-syarat tertentu. Perceraian merupakan satu perbuatan halal namun juga sesuatu perkara yang dibenci oleh Allah SWT. Sebagai mana sabda Rasul S.A.W:¹³⁵

***"Dari Ibnu 'Umar r.a ia berkata: Rasul SAW telah bersabda ;
'Di antara perkara yang halal namun dibenci Allah ialah talak'".***

Hukum perceraian (talak) dalam Islam menurut pendapat Imam Malik asalnya adalah suatu perkara yang ditegah kerana memutuskan ikatan perkahwinan, kecuali wujud suasana yang mengharuskannya sebagai jalan terakhir bagi menyelesaikan persengketaan rumahtangga. Sekiranya berlaku talak tanpa sebab-sebab yang diharuskan, ia dianggap berdosa. Bagi fuqaha' mazhab Syafi'e pula, walaupun harus tetapi ia tetap dikira makruh sekiranya dilakukan tanpa sebab-sebab yang dibenarkan Syara'¹³⁶. Menurut Islam hukum talak boleh menjadi harus, haram, sunat, makruh dan

¹³³ Sila rujuk Undang-undang Keluarga Islam mengenai perceraian dan prosedur berkaitan dengannya dalam *Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Seksyen 47-48, Kelantan, Seksyen 35, Negeri Sembilan Seksyen 47-48, Melaka Seksyen 35.*

¹³⁴ *Sufra*, Bab 2, hal. 70-71

¹³⁵ Sulayman bin al-Asy'ath Abu Dawud al-Sajistaniy al-Azdiy,(t.t), *Sunan Abi Dawud*, Hadith No. 2178, juz 2, Beirut : Darul Fikr, hal 255. Hadith riwayat Abu Dawud, Ibnu Majah dan disahkan oleh Hakim dan Abu Hatim menguatkan mursalnya

¹³⁶ Al-Nawawiy, (1992), *op.cit.*, hal.4

wajib¹³⁷ menurut keadaannya yang tertentu. Namun sebahagian fuqaha' mazhab Hanafi berpendapat talak pada asalnya adalah harus¹³⁸.

Namun dalam Islam telah menetapkan bahawa keputusan menjatuhkan talak berada di tangan suami dan bukan isteri atau hakim atau kadi kecuali jika diminta oleh isteri. Walaupun kuasa menjatuhkan talak oleh suami ia tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya dan bukanlah mutlak kerana si isteri masih boleh menuntut cerai melalui *Ta'liq*, *Fasakh* dan *Khulu'*.¹³⁹ Perceraian juga hanya akan berlaku sekiranya kedua-dua belah pihak bersetuju dengan rela untuk bercerai. Hukum Islam amat melengkap, sempurna dan universal selaras dengan fitrah dan pemikiran manusia.

Perkahwinan dalam Islam bukanlah untuk tujuan sementara tetapi adalah untuk hidup bersama buat selama-lamanya atas dasar keredhaan, kepercayaan dan persetujuan bersama. Pembubaran perkahwinan merupakan cara penyelesaian terakhir dalam menghadapi krisis rumahtangga¹⁴⁰ bagi pasangan yang tidak dapat mewujudkan pergaulan secara makruf dan setelah melalui beberapa proses perdamaian.¹⁴¹ Islam amat mengutamakan usaha-usaha perdamaian suami isteri bagi mengelakkan berlakunya lafaz cerai. Namun jika segala usaha itu gagal, peruntukan nafkah ke atas isteri dan anak-anak perlu diselesaikan dengan baik.¹⁴²

¹³⁷ Taib Azamuddin Md. Taib, Ustaz, Hj., (1 April 1993), *op.cit.*, hal.54.

¹³⁸ Al-Sarakhsy, (1989), *op.cit.*, hal.2

¹³⁹ Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari, (2002), *op.cit.*, hal. 116

¹⁴⁰ Rozi Bainon,(1999), *op.cit.*, hal. 77-78.

¹⁴¹ Sila lihat peruntukan *Seksyen 47 Akta Undang-undang Keluarga Islam(Wilayah Persekutuan)* 1984. Lihat juga Ahmad Ibrahim, Prof., Tan Sri, (1999), *op.cit.*, hal. 90

¹⁴² Rozi Bainon (1999),*op.cit.*, hal.77-80.

Realitinya jika di dalam Islam suami wajib membayar nafkah bukan sahaja dalam masa perkahwinan malah setelah diceraiakan juga si isteri tetap berhak untuk mendapat nafkah. Ia terkandung dalam Seksyen 59 Akta 303 mahkamah boleh memerintahkan seorang suami membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya. Manakala bagi wanita bukan Islam pula, mahkamah diberi kuasa untuk memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya. Ia terkandung di dalam peruntukan Seksyen 77 (1) Akta 164.

Manakala hak dari sudut harta sepencarian samada wanita Islam mahupun bukan Islam adalah diperuntukkan hak yang sama dalam mendapatkan bahagian terhadap harta tersebut. Walau bagaimanapun hak adalah tetap hak, samada Islam atau di dalam agama Kristian Roman Katholik bekas isteri mempunyai beberapa hak yang mesti ditunaikan oleh bekas suaminya walaupun mereka tidak tinggal bersama lagi. Seksyen 76 (1) AMU 164 memperuntukkan bahawa mahkamah adalah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pembahagian aset perkahwinan.

Berhubung hak penjagaan anak pula, terdapat undang-undang yang hampir sama ke atas penganut Islam dan penganut agama Roman Katholik. Jika dalam agama Islam tertakhluk kepada undang-undang Keluarga Islam (303) maka dalam agama Kristian, oleh kerana tiada di dalam kitab Bible dan undang-undang Gereja, maka ianya merujuk kepada perundangan Sivil yang diperuntukkan iaitu Akta 164 dalam Seksyen 87 dan 88 Bahagian Perlindungan Anak-anak yang ditakrifkan berumur di bawah lapan belas tahun. Namun secara terperinci, undang-undang Islam lebih menitik beratkan

peraturan penjagaan anak-anak supaya anak tersebut tidak teraniaya serta tidak merasa kekurangan dengan perceraian ibu bapa mereka.

Undang-undang Islam dan Undang-undang Sivill memperuntukkan hak yang sama kepada ibu di mana mereka mempunyai hak yang mutlak terhadap anaknya yang belum cukup umur (tujuh tahun)¹⁴³ kecuali terdapat sebab-sebab yang menghalang ibu untuk mendapatkan hak tersebut seperti yang telah dihuraikan sebelum ini. Di samping itu, mahkamah boleh pada bila-bila masa sahaja memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah bagi faedah anak-anaknya.¹⁴⁴

Jika dilihat dari pelbagai sudut terdapat banyaknya kekosongan dan kekurangan penggarisan hukum hakam serta penyelesaian dari aspek agama Roman Katholik sendiri khususnya. Sekiranya dalam perundangan agama Roman Katholik sudah lengkap maka ianya tidak memerlukan kepada suatu undang-undang lain. Ini bermakna perundangan Roman Katholik jelas memperlihatkan kelemahan yang ketara khususnya perkara yang melibatkan hak/hukum selepas berlakunya perceraian seperti pemberian nafkah, pembahagian serta pemilikan harta, penjagaan anak-anak dan sebagainya. Persoalannya adakah ketidaksempurnaan ini justeru disebabkan oleh prinsip agama Kristian Roman Katholik sendiri yang tidak membenarkan sama sekali perceraian berlaku dalam perkahwinan atau sememangnya terdapat kelemahan dari sudut sumber hukum yang boleh dipertikaikan keabsahannya iaitu melalui Kitab Bible (*The Old Testament* dan *New Testament*).

¹⁴³ Seksyen 88 (3) Akta Membaharui undang-undang 164

¹⁴⁴ Seksyen 93 (1) Akta Membaharui undang-undang 164

Prinsip agama Kristian Roman Katholik yang menekankan ciri utama dalam pembentukan perkahwinan iaitu konsep penyatuan (*unity*) dan tidak boleh dimansuhkan (*indissolubility*) sama sekali membuktikan perkara tersebut. Justeru dari satu sudut perkahwinan agama Roman Katholik kelihatan sempurna dan mempunyai kemuliaan tersendiri iaitu mempunyai ruh ketuhanan (imej tuhan) yang tercermin di dalamnya melalui konsep penyatuan yang kekal serta selamanya. Namun dari sudut lain, ianya mempamerkan ketidaksempurnaan yang ketara dalam ruang lingkup fitrah manusiawi yang sememangnya bergantung kepada peraturan dan undang-undang dalam mengatur setiap tindakan dan penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku. Jelas melalui kajian ini perundangan Islam adalah lebih melengkap, sistematik dan universal. Ini kerana agama Islam adalah selari dengan fitrah semulajadi manusia.

4.4 Kesimpulan

Justeru di dalam agama Kristian Roman Katholik dengan bersumberkan '*The New Testament*' dan '*Old Testament*' dengan disokong oleh Undang-undang *Canon Law* yang mewakili gereja, menggariskan beberapa prinsip asas yang bermula dengan pemilihan pasangan sehinggalah terbentuknya perkahwinan tersebut. Walau bagaimanapun undang-undang dan peraturan perkahwinan dalam agama Kristian Roman Katholik dilihat tidak begitu menyeluruh kerana masih kurangnya perincian dalam aspek tertentu seperti hukum, syarat-syarat, kepentingan, hak selepas pembubaran perkahwinan dan lain-lain. Falsafah perkahwinan Roman Katholik lebih

kepada ibadat ketuhanan (*theology*), justeru perkahwinan lebih dianggap sebagai '*sacrament*' bagi penganut agama Kristian Roman Katholik.

Perkahwinan merupakan suatu yang sangat penting dalam Islam. Oleh kerana pentingnya peranan perkahwinan tersebut, maka suatu perlembagaan dan peraturan khusus mengenainya dirangka serta digariskan berlandaskan kitab al-Qur'an dan al-Hadith Nabi S.A.W. Setiap aspek peraturan di dalamnya diperincikan dengan sebegitu mendalam, teliti dan rasional menyerlahkan autoriti sumber hukum Islam. Justeru, peraturan dan undang-undang tersebut amat sempurna, terperinci dan universal kerana ia bukanlah dirangka serta diatur oleh tangan manusia namun datangnya daripada Allah S.W.T. Peraturan dan perlembagaan ini khusus bagi merealisasikan matlamat, falsafah dan tujuan perkahwinan ke arah menjana pembangunan tamadun dan peradaban ummah yang cemerlang dan terbilang.